

PERANAN DAN SUMBANGAN FELCRA DIDALAM
PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR.
SATU KAJIAN DI RANCANGAN FELCRA BELIMBING TOLAK,
KUALA NERANG, KEDAH DARULAMAN.

OLEH

KHAIRUL SALLEH BIN AHMAD
NO. MATRIK : 052819

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1989/90

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini mengandungi lima bab. Bab pertama, pengkaji membincangkan secara ringkas tentang konsep pembangunan tanah di Malaysia, tujuan dan kepentingan kajian, methodologi kajian, masalah kajian dan batasan kajian.

Bab kedua, membicarakan tentang peranan FELCRA di dalam menyatu, memulih dan membangunkan tanah di Malaysia. Dalam ini juga, pengkaji memasukkan fungsi dan program-program yang dijalankan oleh FELCRA. Selain dari itu, juga dibincangkan mengenai sumber kewangan dan organisasi FELCRA di peringkat nasional.

Bab ketiga merupakan bab kajian. Dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai angkubah-angkubah sosio-ekonomi peserta di Felcra Belimbing Tolak. Ini termasuklah demografi pendapatan, perbelanjaan, tabungan, kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi dan kemudahan/keperluan asas yang dinikmati oleh peserta. Angkubah-angkubah ini diambilkira sebagai 'alat' pengukur pembangunan sosio-ekonomi.

Bab keempat pula memperkatakan tentang konsep dan pengukuran kemiskinan. Pengkaji telah mengambil beberapa pendapat daripada sarjana-sarjana yang terkenal untuk menghuraikan konsep tersebut. Di samping itu, dalam bab ini juga ada membentangkan tentang pengukuran taraf sosio-ekonomi di tempat kajian.

Sementara bab terakhir merupakan bab kesimpulan kajian dan pengkaji mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang praktikal yang boleh meningkatkan produktiviti dan sedikit sebanyak akan dapat mengatasi/mengurangkan kadar kemiskinan pekebun-pekebun kecil khususnya di kawasan kajian.

PENGHARGAAN

Pertama sekali diucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Fauzi Yaacob yang telah meneliti dan memberi tunjukajar yang amat berharga untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Tanpa kerjasama beliau, latihan ilmiah ini mungkin tidak dapat disempurnakan. Dan terima kasih kepada Prof. Madya Hussain Mohammad selaku penyelia semasa mengadakan 'Field-work' di tempat kajian.

Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh kakitangan Felcra Belimbing Tolak, terutamanya Encik Shahidan Md. Arob (Pengurus Felcra ini), En Nasir Omar, En. Helmi Mat Isa, En Md. Noor dan Kak Noraini Abd. Aziz. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan Bahagian Urusetia, Ibu Pejabat FELCRA kerana membenarkan saya menjalankan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada seluruh peserta Felcra dan rakan-rakan yang telah memberikan kerjasama mereka.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Cik Noor Ishah Ariffin dari Bilik Rekod, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya atas kesudiannya menaip latihan ilmiah ini dengan sempurna.

Akhir sekali, perlu saya nyatakan di sini bahawa segala kelemahan yang terdapat dalam latihan ilmiah ini adalah disebabkan oleh kelemahan pengkaji sendiri. Semoga Allah membalas segala budi baik kepada semua yang terlibat.

Terima kasih.

Khairul Salleh bin Ahmad.
No. Matrik: 052819,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

18hb. Disember, 1989.

KANDUNGAN	HALAMAN
Sinopsis	i
Penghargaan	iii
Kandungan	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Peta	viii

BAB-BAB

1. PENGENALAN	1
1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian	3
1.2 Methodologi Kajian	6
1.3 Pemilihan Sebagai Sampel	9
1.4 Masalah Kajian	10
1.5 Batasan Kajian	11
2. PENUBUHAN, FUNGSI DAN PROGRAM FELCRA	13
2.1 Penubuhan	13
2.2 Fungsi FELCRA	14
2.3 Strategi dan Program FELCRA	15
2.4 Struktur Organisasi FELCRA	21
2.5 Kewangan FELCRA	21
3. LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI KAWASAN KAJIAN	27
3.1 Latar Belakang Peserta dan Kawasan Kajian	27
3.2 Tempat Tinggal Asal, Pekerjaan Asal dan Umur Peserta	28

KANDUNGAN

HALAMAN

3.3	Kemudahan-Kemudahan Asas yang Didapati	32
3.3.1	Tempat Penginapan	32
3.3.2	Bekalan Air	33
3.3.3	Bekalan Elektrik	33
3.3.4	Jalan Perhubungan	33
3.3.5	Pemilikan Harta	34
3.3.6	Lain-Lain Bentuk Kemudahan Asas	36
3.4	Aktiviti Ekonomi Peserta	38
3.4.1	Penternakan	38
3.4.2	Perniagaan	39
3.4.3	Industri Kecil	39
3.5	Penyertaan Peserta Dalam Aktiviti Sosio-Ekonomi	41
3.5.1	Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA)	41
3.5.2	Koperasi Peserta Rancangan Felcra Belimbing Tolak Berhad (KPR)	42
3.5.3	Jawatankuasa Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA - Tunas Rebung).	42
3.5.4	Jawatankuasa Tabung Kebajikan Peserta	46
3.5.5	Jawatankuasa Kemajuan Projek	47
3.6	Pendapatan Peserta	47
3.7	Hasil Keluaran dan Pendapatan	51
3.8	Tabungan	52
3.9	Perbelanjaan	54
3.10	Kesimpulan	58

KANDUNGAN	HALAMAN
4. TARAF SOSIO-EKONOMI PESERTA	60
4.1 Konsep dan Pengukuran Kemiskinan	60
4.2 Taraf Pembangunan Sosial	64
4.3 Taraf Pembangunan Ekonomi	67
4.4 Kesimpulan	70
5. KESIMPULAN DAN CADANGAN	73
5.1 Rumusan dan Kesimpulan Kajian	73
5.2 Saranan dan Cadangan	76
GAMBAR-GAMBAR	
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN - SOAL SELIDIK	

NOMBOR	SENARAI JADUAL	HALAMAN
1.	MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN DAN PENDAPATAN BULANAN (ISI RUMAH) PURATA MENGIKUT STRATA DAN KUMPULAN SASARAN, 1984 DAN 1987.	7
2.	CARTA ORGANISASI FELCRA	22
3.	PERUNTUKAN KEWANGAN 1987	23
4.	TARAF PENDIDIKAN PESERTA FELCRA BELIMBING TOLAK	28
5.	DAERAH ASAL PESERTA	29
6.	PEKERJAAN ASAL PESERTA FELCRA BELIMBING TOLAK	30
7.	UMUR PESERTA	31
8.	PENGUNAAN BARANGAN ELEKTRIK	36
9.	PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN - PROJEK BATU 'BLOCK'	40
10.	CARTA JAWATANKUASA KEMAJUAN PROJEK (JKKP)	48
11.	JADUAL PENDAPATAN PESERTA	49
12.	PENDAPATAN PESERTA BAGI TAHUN 1988	50
13.	PENGELUARAN HASIL DAN PENDAPATAN TAHUNAN	51
14.	JUMLAH TABUNGAN PESERTA	53
15.	JUMLAH PERBELANJAAN PESERTA	55
16.	LAIN-LAIN PERBELANJAAN	57

SENARAI PETA

HALAMAN

LAKARAN PETA: KAWASAN FELCRA BELIMBING TOLAK,
PADANG TERAP, KEDAH. D.L


ix








University of Malaya

Kawasan Belimbing Tolak	1,344,000 ekar.
Kawasan Belimbing Tolak	1,344,000 ekar.
Kawasan Tolak	1,344,000 ekar.
Kawasan Terap	1,344,000 ekar.
Kawasan Belimbing	1,344,000 ekar.

LAKARAN PETA : KAWASAN FELCRA BELIMBING TOLAK, KEDAH D.L



PETUNJUK

	Kawasan Tanaman	: 944.675 ekar.
	Kawasan Perkampungan	: 18.032 ekar.
	Kawasan Hutan	: 6.032 ekar.
	Kawasan Paya	: 34.609 ekar.
	Kawasan Belukar	: 1.488 ekar.

BAB 1 : PENGENALAN

Terdapat berbagai agensi, kerajaan dan swasta, yang memainkan peranan penting dalam proses perancangan pembangunan tanah di Malaysia pada hari ini. Di antaranya ialah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Rancangan pembangunan tanah telah diusahakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tersebut. Terdapat beberapa keadaan di mana pembangunan tanah perlu diadakan. Diantaranya, terdapat tanah-tanah (kerajaan dan persendirian) yang tidak diusahakan (tanah terbiar), kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar yang masih lagi tinggi, kekurangan bahan-bahan mentah seperti getah dan kelapa sawit dan kurangnya tenaga buruh di sektor pertanian. Selaras dengan itu, kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa dasar seperti Dasar Pertanian Negara (DPN) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dengan adanya perancangan pembangunan tanah, kerajaan mengharapkan akan mendatangkan hasil yang positif kepada rakyat dan negara. Justeru itu, perancangan tersebut hendaklah teliti dan membuat rujukan kepada perancangan tanah di negara-negara luar.

Mengikut Yang M.M.C, berdasarkan kajiannya di Taiwan¹, pada perinsipnya sesuatu program pembangunan tanah memerlukan dua set objektif. Pertama, mengujudkan satu sistem pengagihan pemilikan tanah yang adil kepada mereka yang mengerjakannya. Ia

juga perlu menentukan kadar sewa yang membolehkan tuan tanah dan penyewa menerima bahagian yang adil daripada keluaran pertanian serta mengujudkan satu sistem pendaftaran tanah yang menyeluruh, di mana semua tanah yang dikerjakan adalah diukur dan didaftarkan. Selain daripada itu, ia juga perlu mengemukakan satu sistem percukaian tanah yang tegas, di mana setiap inci tanah yang dikerjakan perlu dikenakan cukai supaya menjamin pengawalan terhadap pemilik-pemilik tanah di samping memastikan kemasukan pendapatan kepada kerajaan.

Daripada set pertama ini, dua objektif yang pertama menekankan keadilan sosio-ekonomi, manakala dua objektif yang terakhir memusatkan perhatian kepada mendapatkan perangkaan yang tepat mengenai tanah-tanah yang dikerjakan dalam negara dan juga menentukan pengaliran masuk yang lancar kepada pendapatan negara.

Kedua, rancangan pembangunan tanah perlu menimbangkan masalah penggunaan tanah secara efisiensi. Objektif ini merangkumi langkah-langkah untuk memajukan tanah secara saintifik untuk membolehkan cara-cara mendapatkan pengeluaran pertanian yang tinggi, bukan sahaja dari segi permintaan tanah tetapi juga permintaan tenaga buruh. Pada akhirnya, pembangunan tanah perlu memenuhi objektif untuk memberikan kemakmuran kepada penduduk luar bandar yang bergantung kehidupannya kepada tanah.

Dengan itu, jelas bahawa kajian Yang M.M.C di Taiwan boleh dijadikan model kepada rancangan pembangunan tanah di Malaysia. Ini kerana perkiraan terhadap dua prinsip di atas

penting untuk memastikan program pembangunan tanah berjalan lancar dan memberikan kesan yang positif kepada pihak yang terlibat.

Secara keseluruhannya, dasar dan kaedah yang sering digunakan oleh agensi-agensi yang terlibat ialah dengan pujukan yang demokratis, penerangan yang baik dan bukannya dengan cara paksaan atau kekejaman dalam melaksanakan program mereka. Di Malaysia, sesuai dengan sistem politik dan ekonomi yang diamalkan², pelaksanaan dasar dan kaedah pembangunan tanah diharapkan akan memberikan pertimbangan yang adil kepada semua pihak yang terlibat, walaupun tugas pembahagian tanah merupakan tugas yang rumit. Kerumitan ini timbul kerana, pertama, ramai tuan tanah yang bergantung kepada sewa tanah untuk kehidupan mereka. Kedua, Masyarakat meletakkan nilai ekonomi dan sosial yang tinggi terhadap pemilikan tanah. Ketiga, sebahagian besar pemilikan tanah adalah melalui pewarisan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Keempat, pemilikan sering merupakan satu sijil atau akuan terhadap status seseorang petani. Dengan itu, jelaslah kepada kita tentang kepentingan sistem pemilikan dan pembangunan tanah di Malaysia. Berdasarkan kerumitan-kerumitan inilah, maka FELCRA cuba mengatasi dan menyusun setiap programnya dengan lebih teliti dan berhati-hati agar tidak memberi impak yang negatif kepada golongan yang terlibat.

1.1: Tujuan dan Kepentingan Kajian

FELCRA merupakan sebuah badan berkanun yang bertujuan

untuk membangun, menyatu dan memulihkan tanah terbiar. Di dalam latihan ilmiah ini, pengkaji cuba mengkaji sejauh manakah FELCRA berperanan dalam penyatuan dan pemulihan tanah. Berhubung dengan itu, fungsi FELCRA ialah memberi input-input pertanian moden seperti baja, racun, jentera dan sebagainya. Penggunaan input-input moden memerlukan perbelanjaan (kos) yang tinggi, yang petani sendiri tidak mampu menyediakannya. Lantaran itulah FELCRA menjalankan usaha pembukaan tanah baru dengan penyediaan semua jenis input pertanian dan diusahakan oleh peserta-peserta sendiri. Dengan adanya usaha-usaha pembangunan tanah, pastinya ia akan dapat meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar (golongan sasaran). Justeru itu, kajian ini juga akan membentangkan sejauhmanakah peranan dan sumbangan FELCRA dalam pembangunan sosio-ekonomi golongan sasaran tersebut.

Pada umumnya, sejak 1980, kerajaan menumpukan perhatian yang serius terhadap sektor perindustrian dan perkhidmatan dalam proses pembangunan negara. Walaupun begitu, ekonomi negara masih bergantung kuat kepada sektor pertanian. Namun begitu, kadar pertumbuhan sektor pertanian adalah lembab, terutama bagi Kedah dan Kelantan, iaitu masing-masing pada kadar 4.4 dan 4.9 peratus setahun berbanding dengan Sabah pada kadar 11.7%, Sarawak 7.1% dan Pahang 6.5%. Ini disebabkan terutamanya oleh kawasan tanah yang luas di ketiga-tiga negeri tersebut yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan baru menerusi skim penempatan dan skim-skim pertanian lain³. Ekoran daripada inilah

kerajaan telah melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP). Seajar dengan ini, kerajaan telah meluluskan satu program khas dengan peruntukan sebanyak \$391.7 juta untuk tempoh 1989-1990.⁴ Program-program ini akan memberi penekanan kepada kegiatan ekonomi, kemudahan pendidikan, kesihatan dan pemakanan, rumah kediaman yang lebih baik serta perubahan sikap di kalangan golongan yang terlibat.

Berdasarkan jadual 1, di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan keseluruhannya telah berkurang sedikit daripada 18.4% pada tahun 1984 kepada 17.3% pada tahun 1987. Pengiraan berasaskan perkapita menunjukkan kadar kemiskinan telah berkurang daripada 13.7% pada tahun 1984 kepada 12.4% pada 1987. Arah aliran ini telah berterusan pada tahun 1988 disebabkan oleh harga barangan yang lebih baik. Sunggupun begitu, bilangan isi rumah miskin telah meningkat sebanyak 0.5% dalam tempoh 1984-87.⁵

Peningkatan bilangan isi rumah miskin dalam sektor pertanian didapati "berlawan arus" dengan dasar serta harapan rancangan-rancangan pembangunan nasional. Namun begitu, dasar 'research and development' pertanian telah berjaya memperbaiki lagi metod-metod pengeluaran serta mengurangkan kadar kemiskinan sebanyak 1.1% dalam 1984-1987. Walaupun pengurangan kadar kemiskinan adalah kecil, namun tempoh tersebut telah menampakkan bibit-bibit kejayaan.

Dalam mengatasi masalah kemunduran di kalangan pekerja-pekerja di sektor pertanian umumnya dan di sektor pengeluaran

getah amnya, kerajaan telah muncul sebagai majikan terbesar. Kerajaan telah menubuhkan berbagai agensi untuk tujuan ini. Maka tujuan latihan ilmiah ini adalah untuk meneliti peranan salah satu daripada agensi-agensi kerajaan (FELCRA) di dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Kajian ini juga mungkin akan menemui asas masalah kemiskinan yang masih berlarutan.

Justeru itu, kajian ini adalah merupakan satu kajian kes sosio-ekonomi di Rancangan Felcra Belimbing Tolak. Ia bertujuan untuk memperlihatkan sejauh manakah peranan Felcra di tanah rancangannya mencapai kejayaan, terutama di Rancangan Felcra ini.

1.2 Methodologi Kajian

Methodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temubual dan penyertaan pemerhatian (participant observation), penggunaan borang soal selidik (Questionnaire) dan sedikit melalui penyelidikan perpustakaan.

Kaedah penyertaan-pemerhatian dan temubual dirasakan tidak begitu penting di dalam kajian sosio-ekonomi. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk melihat gelagat, tingkah laku dan untuk memastikan kebenaran maklumat yang diberikan oleh responden di dalam borang soal selidik. Pengkaji hanya dapat menjalankannya selama dua minggu sahaja kerana pengkaji mengalami masalah kelewatan mendapatkan kelulusan daripada pihak FELCRA. Dalam kaedah ini, kadangkala pengkaji terpaksa membuat 're-

JADUAL 1

MALAYSIA : KADAR KEMISKINAN DAN PENDAPATAN BULANAN (ISIRUMAH)
PURATA MENGIKUT STRATA DAN KUMPULAN SASARAN, 1984 DAN 1987

Strata dan Kumpulan Sasaran	Kadar Kemiskinan	Bil. Isirumah Miskin	Pendapatan Purata Isirumah miskin	Pendapatan Purata Kemiskinan	Kadar Kemiskinan	Bil. Isirumah Miskin	Pendapatan purata Isirumah miskin	Pendapatan Purata Keseluruhan
SEMENANJUNG MALAYSIA	18.4	483,300	208	1,095	17.3	485,800	225	1,074
Bandar	8.2	81,300	205	1,541	8.1	82,600	228	1,467
Luar Bandar	24.7	402,000	208	824	22.4	403,200	224	853
Kumpulan Sasaran								
Pekebun Kecil Getah	42.7	68,500	220	520	40.0	83,100	238	353
Penanam Padi	57.7	70,500	196	406	50.2	54,400	222	462
Pekebun Kecil Kelapa	46.2	6,700	221	514	39.2	4,900	225	492
Nelayan	26.1	10,700	262	672	24.5	10,700	251	633
Pekerja Estet	19.6	16,400	251	632	15.0	11,700	275	670

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima, hal.54

checking' daripada jiran tetangga atau dari ketua peserta. Di samping itu, kaedah ini juga disusuli dengan kaedah temubual.

Kaedah soal selidik merupakan kaedah yang terpenting dan banyak digunakan di dalam kajian ini. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kegiatan harian, kegiatan ekonomi (routin dan sampingan), pemilikan harta, pendapatan, perbelajaan, tabungan dan sikap. Soal selidik ini terbahagi kepada 2 aspek iaitu soalan tertutup (Close-ended) dan soalan terbuka (open-ended). Soalan tertutup digunakan dengan memberikan jawapan pilihan yang perlu dipilih oleh responden. Tetapi jawapan begini kadangkala tidak begitu spesifik atau tepat. Ia hanya sesuai untuk soalan yang umum serta jawapan yang melibatkan angka-angka. Kaedah ini senang digunakan bagi kedua-dua pihak iaitu pihak pengkaji dan pihak responden. Sementara soalan terbuka pula di mana responden dikehendaki memberi pendapat atau pandangan mereka. Soalan sebegini telah menimbulkan kesukaran kepada pengkaji apabila proses analisa dijalankan. Ini disebabkan oleh pelbagaian pendapat dan pandangan yang dikemukakan.

Penyelidikan perpustakaan tidak banyak dilakukan. Ia hanya digunakan untuk mendapatkan butir-butir mengenai strategi, fungsi, matlamat dan sumber kewangan FELCRA serta bahan-bahan mengenai Rancangan Malaysia. Selain dari itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian yang pernah dibuat ke atas FELCRA. Untuk tujuan ini, pengkaji hanya membuat penyelidikan di perpustakaan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi

(SERU). Sehingga kini, hanya 4 kajian yang telah dijalankan oleh SERU, iaitu:-

1. Kajian Sosio-ekonomi peserta FELCRA di Pasir Putih, Kelantan.
2. Kajian penilaian projek pembangunan insitu (FELCRA) di Kampung Teratak Batu, Pasir Putih, Kelantan.
3. Kajian awal ke atas projek pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA di kawasan Kerdau, Temerloh, Pahang.
4. Kajian awal ke atas projek pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA di Bukit Pension, Maran, Pahang.

Walaupun begitu, pengkaji tidak dibenarkan melihat hasil-hasil kajian di atas kerana ia dianggap 'Confidential' oleh SERU.

Pengkaji merasakan bahawa kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah tepat dan berkesan sekali.

1.3 Pemilihan Sebagai Sampel.

Dalam pemilihan sampel, pengkaji memilih secara rawak (random) seramai 36 orang daripada senarai nama peserta yang diberikan oleh pihak FELCRA. Ini bererti, 42.4% daripada 85 orang peserta telah terpilih sebagai responden. Oleh kerana jumlah peserta di FELCRA ini tidak begitu ramai, maka pemilihan responden adalah tidak begitu sukar. Dengan ini setiap responden telah diberikan borang soal selidik untuk diisi dan kemudian

dikembalikan.

1.4 Masalah Kajian

Masalah kajian yang utama ialah untuk memperlihatkan bagaimana peranan kerajaan melalui FELCRA dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar. Kajian sebegini dirasakan penting kerana pihak FELCRA telah membelanjakan sumber kewangan yang banyak untuk membantu penduduk luar bandar meningkatkan taraf hidup mereka. Justeru itu, kajian yang lebih berbentuk penilaian kepada projek perlu diadakan.

Sementara itu, pengkaji terpaksa menghadapi pelbagai masalah dalam melaksanakan kajian ini. Masalah utama ialah kegagalan pengkaji untuk mendapatkan data-data sumber kewangan FELCRA secara tepat. Ini adalah kerana ia menjadi rahsia kepada pihak FELCRA dan tidak dibenar untuk disebar. Masalah kedua ialah masalah ketika pengkaji menjalankan kajian. Kebanyakan responden merasa ragu-ragu terhadap pengkaji. Mereka menganggap pengkaji adalah 'spy' atau agen kerajaan yang hendak menyiasat sama ada mereka 'lari' dari cukai pendapatan atau tidak. Untuk menyelesaikan masalah ini, pengkaji terpaksa menerangkan kedudukan sebenar pengkaji berulang kali sehinggalah timbul kepercayaan terhadap pengkaji. Di samping itu, responden juga enggan memberikan butir-butir lengkap mengenai pendapatan dan perbelanjaan serta pemilikan harta yang sebenar dimiliki. Masalah ini timbul kerana mereka takut pengkaji menilai dan menganggarkan pendapatan sebenar yang diperolehi. Selain dari

itu, responden juga sukar untuk memberikan jawapan yang tepat. Misalnya, corak perbelanjaan isi rumah yang tidak pernah dikira jumlah perbelanjaannya (kecuali perbelanjaan dapur).

Masalah lain ialah kesukaran untuk mendapatkan pandangan sebenar mereka terhadap parti pemerintah (Barisan Nasional). Masalah ini timbul terutamanya apabila pengkaji cuba menemubual beberapa orang responden yang pro kepada parti pembangkang. Pengkaji merasakan bahawa mereka terlalu takut untuk mengeluarkan pandangan mereka kerana curiga terhadap pengkaji dan tindakan yang mungkin diambil oleh pihak FELCRA.

Pada peringkat awal kajian, saya menghadapi masalah untuk menentukan tajuk kajian yang sesuai. Setelah mendapat tajuk yang dianggap sesuai, pengkaji pula menghadapi masalah untuk menyediakan borang soal selidik. Namun begitu, masalah ini dapat diatasi setelah saya membuat beberapa rujukan ke atas borang soal selidik yang pernah dibuat.

1.5 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian. Kelewatan kelulusan daripada pihak FELCRA telah menyingkatkan lagi tempoh kajian di rancangan ini. Pengkaji tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat kajian yang lebih menyeluruh dan mendalam.

Di samping itu, pengkaji juga tidak berkesempatan untuk menjalankan kajian yang lebih menyeluruh terhadap penduduk di persekitaran rancangan Felcra ini. Getah dan padi merupakan hasil utama di kampung ini (Kampung Tolak). Jika kajian dibuat,

bolehlah dibuat perbandingan sosio-ekonomi di antara keduanya. Perbandingan penting kerana ia dapat menjelaskan dengan lebih terperinci tentang sejauh manakah kejayaan pihak agensi meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar.

Selain dari itu, tajuk kajian ini juga telah membataskan kajian saya terhadap peranan FELCRA sahaja. Justeru itu, saya tidak dapat menjalankan kajian ke atas agensi-agensi pembangunan tanah yang lain seperti RISDA dan FELDA. Jika sekiranya kajian dibuat terhadap ketiga-tiga agensi di atas, dirasakan bahawa kajian ini boleh dijadikan penilaian terhadap keberkesanan operasi agensi-agensi tersebut.

Nota kaki:

1. Yang M.M.C "Socio-Economic Results of Land Reform in Taiwan" Honolulu, 1970, hal. 17, lihat dalam Chamsuri Siwar, Kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah di Malaysia, DBP, 1978, hal.93.
2. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia kedua, 1971 - 1975, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur hal. 43
3. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, hal. 43.
4. Ibid, hal. 80.
5. Ibid, hal. 52.

BAB 2: PENUBUHAN, FUNGSI DAN PROGRAM FELCRA

2.1 Penubuhan

Penyatuan tanah sering dianggap sebagai satu bentuk reformasi struktural di peringkat ekonomi mikro. Tujuannya ialah untuk memperbaiki keadaan pengecilan dan pemecahan tanah yang eksesif dan untuk memulihkan tanah supaya dapat dimajukan tanah tersebut untuk pertanian dan dengan itu akan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk yang dahulunya menduduki tanah tersebut.¹ Justeru itu, atas dasar tujuan inilah FELCRA telah ditubuhkan.

FELCRA telah ditubuhkan pada lhb. Oktober 1966 di bawah Akta Parlimen No. 22 Tahun 1966 yang mula berkuatkuasa pada lhb. April 1966 dan kemudian dipinda melalui Akta Parlimen No. 637A (pindaan terbaru) yang berkuatkuasa pada 13hb. September, 1986.² Dalam tahun 1987, FELCRA ditadbirkan oleh sebuah Lembaga yang ditanggungjawabkan kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah dan kemudiannya berpinda ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai lhb. Julai 1987. (Di bawah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar - juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia).

Setelah FELCRA ditubuhkan dan mula menjalankan operasinya, langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan pemecahan tanah meliputi dua aspek, iaitu, pertama, dari segi memperbaiki dan menyatukan tanah-tanah yang saiznya terlalu kecil dan juga memperbaiki pola penempatan yang melibatkan pertukaran hak milik tanah. Kedua, pembaikan dalam pola penggunaan tanah tanpa

melibatkan pertukaran dalam hak milik tanah. Atas landasan inilah Kerajaan Malaysia memberi tanggungjawab yang sepenuhnya kepada FELCRA untuk memulih dan memajukan mana-mana kawasan di dalam negeri-negeri di Malaysia.

2.2 Fungsi FELCRA

Fungsi FELCRA sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 4(1) Akta 637A ialah:-³

"..... menyatukan, memulihkan dan memajukan -

- (a) Mana-mana tanah kerajaan (termasuk tanah dalam kawasan penempatan beramai-ramai) sama ada atas kehendaknya sendiri dan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan atau atas permintaan Pihak Berkuasa Negeri itu; dan
- (b) Mana-mana tanah selain yang dinyatakan dalam perenggan (a), atas permintaan tuan punya tanah dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara tuan punya tanah dan Lembaga."

Sementara itu, fungsi FELCRA bagi Sabah dan Sarawak pula adalah mengikut seksyen 4(2) ialah:-

"..... menyatukan, memulihkan atau memajukan mana-mana tanah yang pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan meminta Lembaga supaya menyatukan, memulihkan dan memajukan."

Selain dari itu, di bawah seksyen 4(4) Akta yang sama adalah diperuntukkan bahawa "..... Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu

untuk atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Lembaga bagi menjalankan fungsi-fungsinya dengan berkesan di bawah Akta ini".

Dengan adanya Akta 637A, seksyen 4(1), 4(2) dan 4(4) ini menunjukkan bahawa fungsi FELCRA yang utama ialah untuk memulih, menyatu dan memajukan tanah-tanah sama ada terbiar ataupun tidak.

Berdasarkan Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira, 1969,⁴ menunjukkan bahawa kerja-kerja FELCRA adalah lebih tertumpu kepada bidang pemulihan tanah. Di antara fungsinya yang lebih mendalam ialah:

- (a) Menjalankan kerja-kerja memulih semula Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Terkawal dan Rancangan Tanah Baharu Terkumpul.
- (b) Mengelola dan memajukan Rancangan Tanah Pinggir bagi pihak kerajaan-kerajaan negeri, dan
- (c) Menjalankan kerja-kerja pemulihan dan penyatuan tanah-tanah milik yang tidak berekonomik dengan permintaan atau persetujuan tuan punya tanah.

2.3 Strategi dan Program FELCRA

Berdasarkan kepada fungsi FELCRA, pastinya strategi FELCRA masa kini adalah melalui dua program yang utama iaitu:

- (a) Pemulihan Tanah
- (b) Penyatuan Tanah

Setiap program yang diatur oleh FELCRA adalah merangkumi aspek-aspek yang penting dan bersesuaian dengan dasar-dasar kerajaan seperti, DEB, DPN dan konsep penyusunan semula kampung-kampung yang ada hubungan secara langsung dengan agensi ini.

(a) Pemulihan Tanah

Dalam menentukan kawasan rancangan yang hendak dipulih semula, Lembaga ini pertamanya, meminta cadangan dari Kerajaan Negeri atas tanah-tanah rancangan yang hendak dipulihkan dengan memberi butir-butir yang lengkap mengenai sesuatu rancangan. Seterusnya, Lembaga menjalankan penyiasatan untuk menentukan sama ada berfaedah atau sesuai satu-satu rancangan yang hendak dipulihkan semula dan akan memberi keuntungan kepada peserta-peserta rancangan itu. Penyiasatan tersebut meliputi aspek kedudukan rancangan, keluasan, keadaan tanaman, baka tanaman, keadaan rancangan dan anggaran perbelanjaan rancangan dan anggaran itu dibandingkan dengan anggaran pendapatan peserta untuk menentukan sama ada peserta-peserta mampu membayar balik perbelanjaan yang telah dikeluarkan.

Apabila didapati bahawa proses-proses di atas boleh mendatangkan keuntungan, maka FELCRA berusaha ke arah mengujudkan pertanian secara berkoperatif atau pertanian berkelompok. Usaha pemulihan tanah yang sedang diberi perhatian dan penekanan yang teliti dan serius adalah bagi memulih dan memajukan tanah-tanah

milik terbiar yang terdapat dimerata kampung di seluruh negara.

Usaha-usaha pemulihan ini bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti per hektar tanah supaya tanah-tanah yang dipunyai dan terbiar itu dapat menghasilkan pendapatan yang wajar kepada pemilik-pemiliknya.

Sementara itu, kaedah perlaksanaannya adalah ditentukan oleh saiz operasi. Bagi kawasan tanah terbiar yang berkelompok atau sifatnya terkumpul sehingga luasnya sesuai untuk dijadikan unit ladang, pengurusan pertanian koperatif akan dilaksanakan. Melalui cara ini, kawasan projek akan diuruskan mengikut ala estet. Pemilik-pemilik tanah akan menerima agihan berdasarkan saiz pegangan tanah masing-masing di dalam projek tetapi status pemilikan asal dikekalkan.

Selain dari itu, bagi kawasan yang lotnya bertaburan, ia juga boleh dilaksanakan jika kedudukannya tidak jauh daripada projek FELCRA yang sedia ada. Segala kerja-kerja perlaksanaan akan diserahkan kepada individu atau pemilik tanah berkenaan. Dengan ini para peserta akan memperolehi pendapatan daripada upah kerja. Upah dan kos bahan akan dikira sebagai hutang pembangunan. Sekiranya pemilik tidak berkeupayaan mengerjakan sendiri lotnya, kaedah borongan kecil melalui penglibatan kumpulan-kumpulan pemilik tanah atau penduduk tempatan akan dilaksanakan. Semua kerja akan diurus dan disusun oleh Pengurus Projek.

Tertakluk kepada kelulusan peruntukan kewangan, FELCRA

telah merangka satu program jangka panjang untuk memulihkan tanah-tanah terbiar di seluruh negara seluas 565,000 hektar lagi sehingga tahun 1995.⁵

(b) Penyatuan Tanah

Beberapa kaedah telah digunakan oleh FELCRA dalam proses dan usaha penyatuan tanah. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk memberi keberkesanan yang menguntungkan kepada FELCRA dan peserta-peserta yang terlibat. Di antara kaedah-kaedah itu ialah:

- i) Penyatuan Secara Pengurusan
- ii) Penyatuan tanah milik kampung dengan tanah-tanah kerajaan (tanah baru).
- iii) Penyatuan tanah melalui perpindahan penduduk.

Penyatuan Secara Pengurusan

Kaedah ini adalah bermaksud menyatukan beberapa lot atau bahagian pegangan tanah yang berselerak menjadi sebuah unit ladang dan hasilnya nanti akan diagihkan semula berdasarkan hak pegangan masing-masing. Pengurusan ladang tidak menentukan pembahagian fizikal lot-lot tanah untuk diusahakan oleh pemilik-pemiliknya dan ini mengelakkan kesusahan mengerjakan tanah dari segi masa perjalanan dan ekonomi penggunaan input. Dengan ini peserta-peserta projek boleh bekerja di mana-mana sahaja di dalam projek dengan dibayar upah. Oleh itu pengawasan secara tidak langsung telah menyatukan pegangan-pegangan tanah seseorang peserta itu di dalam projek.

Penyatuan Tanah Milik Kampung dengan Tanah-Tanah Kerajaan (Tanah Baru)

Konsep penyatuan tanah ini ialah untuk menyatukan tanah-tanah kampung atau tanah terbiar dengan tanah-tanah baru yang kedua-duanya dimajukan oleh FELCRA. Ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti peserta melalui penggunaan tanah yang diurus serta agihan semula kadar pegangan tanah yang lebih ekonomik. Kaedah ini dijalankan dengan secara langsung atau tidak langsung.

Penyerahan tanah-tanah milik kepunyaan peserta-peserta kepada kerajaan dan digabungkan dengan kawasan tanah baru yang berhampiran untuk dimajukan oleh FELCRA dan agihan semula tanah dibuat kepada peserta-peserta projek pada kadar saiz pegangan yang wajar berbanding purata saiz pemilikan asal yang kecil dan tidak ekonomik yang diserahkan oleh peserta di awal pelaksanaan projek. Ini merupakan penyatuan tanah secara langsung yang dimainkan oleh FELCRA.

Penyatuan tanah secara tidak langsung tidak melibatkan penyerahan tanah. FELCRA memulihkan kawasan tanah yang kecil saiznya dan tidak dapat memberikan pendapatan yang sewajarnya kepada peserta-peserta (di bawah paras kemiskinan). Program ini bermaksud menyatukan tanah-tanah milik dengan pembangunan kawasan baru (tambahan) yang berdekatan supaya peserta-peserta diperuntukkan agihan (pegangan) tambahan dengan kadar songsang (inversely proportionate) untuk menjadikan jumlah pegangan

seseorang peserta itu pada kadar yang ekonomik. Misalnya jika seorang peserta itu memiliki 1 hektar tanah asal dan kadar pegangan optima ditentukan pada kadar 4 hektar, maka peserta ini layak mendapat bahagian tambahan (pegangan tanah baru) seluas 3 hektar lagi. Contoh, penyatuan tanah jenis ini dilaksanakan di Projek Kampung Salong, Pekan, Pahang Darul Makmur.⁶

Penyatuan Tanah Melalui Perpindahan Penduduk

Kaedah ini adalah lebih bercorak radikal. Ia melibatkan penduduk di kawasan yang mundur dan dipindahkan ke tempat-tempat projek-projek tanah baru. Tanah-tanah yang ditinggalkan akan dimajukan oleh FELCRA bagi menjadi sebuah ladang yang produktif dan ekonomik. Di sinilah agensi-agensi seperti FELDA akan memainkan peraanannya dalam menempatkan penduduk di projek-projek tanah baru. Cara ini terbukti berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan tetapi tanpa mengambil kira tanah-tanah yang ditinggalkan. Melalui kaedah di atas ia memerlukan penyelarasan agensi-agensi pembangunan tanah agar konsep ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.* Buat masa sekarang konsep penyatuan tanah secara ini masih belum dapat dilaksanakan lagi.

* Berdasarkan Laporan Belanjawan Tahunan 1989, halaman 29 dan 30, sejumlah \$521 juta telah disediakan bagi pembukaan tanah baru dan pemulihan tanah terbiar. Seluas 33,000 hektar kawasan tanah baru akan dibuka oleh FELDA, manakala FELCRA dan RISDA pula akan memulihkan tanah pertanian serta tanah terbiar yang berjumlah 69,000 hektar. Program ini akan memberi manfaat kepada 33,200 keluarga. Bagi lembaga-lembaga kemajuan wilayah seperti KESEDAR, KEJORA dan KETENGAH, peruntukan berjumlah \$76 juta disediakan untuk membolehkan lembaga-lembaga ini meneruskan projek-projek seperti industri kecil, tanaman kontan dan lain-lain projek komersil yang dapat meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial penduduk-penduduk luar bandar.

2.4 Struktur Organisasi FELCRA

Lembaga Pengarah FELCRA adalah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang wakil perbendaharaan, seorang wakil kementerian, Ketua Pengarah FELCRA dan tidak lebih daripada 12 orang termasuk 3 orang wakil kerajaan-kerajaan negeri. Bagi membantu lembaga dalam bidang-bidang tertentu yang diperwakilkan, terdapat sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kerja yang ahlinya terdiri daripada 7 orang Ahli Lembaga.


Ketua Eksekutif FELCRA adalah ketua pengarah yang menyelenggarakan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan secara menyeluruh secara menyeluruh. Bagi tujuan menyelaraskan dan melaksanakan program-programnya, maka diwujudkan pegawai-pegawai di peringkat negeri manakala di peringkat rancangan diadakan pentadbiran yang khusus di peringkat ini bagi menentukan kejayaan rancangan. Ini dapat ditunjukkan melalui carta organisasi.

2.5 Kewangan FELCRA

Bagi membiayai segala kegiatan FELCRA, peruntukan kewangan yang disediakan oleh kerajaan kepada FELCRA bolehlah dibahagikan kepada dua jenis iaitu peruntukan terus (grant) dan peruntukan pinjaman (loan). FELCRA juga menerima peruntukan kewangan daripada badan-badan antarabangsa iaitu daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Peruntukan terus adalah bagi membiayai perbelanjaan pengurusan seperti gaji kakitangan serta elaun-elaunnya,

JADUAL 2
CARTA ORGANISASI FELCRA



perbelanjaan pembinaan pejabat, alat-alat kelengkapan, kenderaan, perbelanjaan kompleks belia (asrama), kemudahan elektrik, air dan kemudahan rekreasi. Peruntukan terus ini adalah berupa peruntukan kerajaan kepada FELCRA yang tidak akan dipungut balik dari peserta-peserta. Sebagai contohnya, pada tahun 1987, FELCRA telah memperuntukkan sebanyak \$47,670,000 sebagai peruntukan terus ini.⁷

Peruntukan pinjaman pula adalah bagi membiayai perbelanjaan memajukan ladang dan pembinaan perumahan peserta-peserta. Peruntukan pinjaman perlu dipungut balik dari peserta-peserta. Umpamanya pada tahun 1987, FELCRA telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$137,110,000. Ini dapat dijelaskan melalui jadual 3:

JADUAL: 3

PERUNTUKAN KEWANGAN 1987

	Cara Langsung \$	Pinjaman \$	Jumlah \$
BELANJAWAN PEMBANGUNAN			
1. Pembangunan Utama	70,000	137,110,000	137,810,000
2. Kemudahan Pengurusan	20,000,000	-	20,000,000
3. Pembangunan Prasarana	26,970,000	-	26,970,000
BELANJAWAN MENGURUS	50,447,200	-	50,780,000
JUMLAH	98,117,200	137,110,000	235,227,000

SUMBER : LAPURAN TAHUNAN FELCRA
1987, HALAMAN 20.

Peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh kerajaan kepada FELCRA di dalam Rancangan Malaysia adalah seperti berikut:⁸

Rancangan Malaysia Pertama (RMP)	\$ 7,024,406
Rancangan Malaysia Kedua (RMK)	\$ 67,838,572
Rancangan Malaysia Ketiga (RMT)	\$209,981,000
Rancangan Malaysia Keempat (RME)	\$496,928,357
Rancangan Malaysia Kelima (RML)	\$787,770,000

Sementara itu, sumber-sumber kewangan dari luar negeri ialah daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Sebagai contohnya, Bank Dunia telah bersetuju membiayai Projek Pembangunan Bersepadu Seberang Perak sebanyak US \$50,000,000 yang telah ditandatangani antara Bank Dunia dengan Kerajaan Malaysia dan pembiayaan secara resmi ini telah dimulakan pada 6hb. Ogos 1981. Namun begitu jumlah ini telah dikurangkan kepada US \$46,000,000 setelah reformulasi dilakukan yang berkuatkuasa pada 3hb. Mei, 1986.⁹

Pada tahun 1989, kerajaan telah memperuntukan kewangan sebanyak \$229,172,000, iaitu sebanyak \$183,172,000 untuk belanja pembangunan dan sebanyak \$46,000,000 untuk perbelanjaan pengurusan.¹⁰ Peruntukan ini adalah bertujuan untuk membiayai projek-projek baru dan projek-projek sambungan.

Dengan jumlah peruntukan kepada FELCRA yang semakin meningkat dari masa ke semasa, FELCRA telah berjaya memperluaskan jumlah keluasan tanah yang terlibat. Ini dapat diperhatikan

dengan berdasarkan perkembangan keluasan tanah di dalam Rancangan Malaysia seperti yang ditunjukkan di bawah:-¹¹

RMP	-	6,228 ha.
RMK	-	28,249 ha.
RMT	-	33,049 ha.
RME	-	67,744 ha.
RML	-	110,000 ha.

Dengan peruntukan yang semakin meningkat dan keluasan tanah yang dimajukan semakin bertambah bilangannya, maka peranan FELCRA tidak boleh dipandang ringan dan pastinya akan dapat meninggikan taraf hidup masyarakat yang terlibat serta peranannya dalam DEB sebagai pembasmi kemiskinan (setidak-tidaknya dapat mengurangkan kadar kemiskinan) akan memberi kesan yang positif dan menggalakkan.

Nota Kaki:

1. Chamsuri Siwar, Kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah di Malaysia, DBP, Kuala Lumpur 1978, hal. 103.
2. Laporan Tahunan FELCRA, 1987, hal. 6.
3. Risalah, FELCRA Peranan dan Usaha, hal. 1.
4. Laporan Tahunan dan Penyata kira-kira, lhb. Januari 1969 - 3lhb. Disember 1969, Kuala Lumpur, hal. 3.
5. Risalah, FELCRA Peranan dan Usaha, hal. 4.
6. Ibid, hal. 7.
7. Laporan Tahunan FELCRA, 1987, hal. 20.

8. FELCRA, op. cit, hal. 10.
9. Risalah, Projek Pembangunan Bersepadu Seberang Perak, Ibu pejabat FELCRA.
10. Risalah, FELCRA Peranan dan Usaha, hal. 12.
11. Risalah, FELCRA: Agensi Penyatuan dan Pemulihan Tanah.

BAB 3: LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI KAWASAN KAJIAN

3.1 Latar Belakang Peserta dan Kawasan Kajian

Felcra Belimbing Tolak telah dibuka pada tahun 1973. Ia terletak di Mukim Tolak, Daerah Padang Terap, Kedah, iaitu kira-kira 42 kilometer dari bandar Alor Setar dan kira-kira 10km dari pekan Kuala Nerang (pekan daerah yang terdapat di kawasan kajian). Keluasan Felcra ini ialah 1001.93 ekar, termasuk kawasan penanaman getah, perkampungan, hutan, paya dan belukar (rujuk: lakaran peta di halaman ix). Ia mempunyai 85 orang peserta dengan jumlah penduduk seramai 409 orang, termasuk anak-anak dan isteri-isteri peserta. Keseluruhan peserta-peserta Felcra ini berbangsa Melayu.

Pejabat-pejabat pentabdiran kerajaan di daerah ini berpusat di Pekan Kuala Nerang. Segala hal-ehwal urusan tanah adalah menjadi tanggungjawab Pejabat Tanah Daerah. Namun begitu, segala urusan pentabdiran FELCRA di peringkat daerah ini perlulah dirujuk kepada pentabdiran FELCRA Gugusan Bukit Tampoi yang jaraknya dengan Felcra Belimbing Tolak ialah sejauh 19km.

Sistem pembayaran balik hutang FELCRA di Felcra Belimbing Tolak ini menggunakan sistem 25:75. Sistem ini bermaksud 25% daripada hasil sebenar yang diperolehi oleh peserta pada setiap bulan hendaklah dipotong oleh pihak FELCRA. Pembayaran hutang oleh peserta ini adalah untuk menjelaskan hutang peserta terhadap kos pembangunan tanah dan pertempatan yang telah dikeluarkan oleh pihak FELCRA.

Dari segi pendidikan peserta, sebanyak 58.3% berpendidikan sekolah rendah, 33.3% berpendidikan sekolah menengah, 5.6% berpendidikan sekolah pondok dan 2.8% tidak bersekolah. Peratusan ini boleh dilihat dari jadual 4:

JADUAL: 4

Taraf Pendidikan Peserta FELCRA di Felcra Belimbing Tolak

Responden: 36 Orang

Taraf Pendidikan	Bilangan Peserta	Peratus
Sek. Rendah	21	58.3
Sek. Menengah	12	33.3
Sek. Pondok	2	5.6
Tidak Bersekolah	1	2.8
Jumlah	36	100

Sumber: Soal Selidik.

3.2: Tempat Tinggal Asal, Pekerjaan Asal dan Umur Peserta

Peserta-peserta Felcra Belimbing Tolak ini berasal dari berbagai tempat di sekitar daerah Padang Terap, Kota Setar dan Kubang Pasu, 4 orang berasal dari Kota Setar dan 2 orang dari Kubang Pasu. Ini dapat dilihat dari jadual 5:

JADUAL: 5

Daerah Asal Peserta

Daerah	Bil. Peserta	Peratus
Padang Terap	29	80.6
Kota Setar	4	11.1
Kubang Pasu	2	5.6
Lain-lain	1	2.7
Jumlah	36	100

Sumber: Soal Selidik

Walaupun seramai 29 orang peserta berasal dari daerah Padang Terap, tetapi apa yang menarik ialah tidak ada seorang responden pun yang berasal dari kampung yang berjiran dengan Felcra Belimbing Tolak. Namun begitu, perhubungan peserta-peserta Felcra dengan penduduk setempat adalah begitu baik sekali dan mereka sering bersama-sama bergotong royong untuk membersihkan kawasan sekitar.

Dari segi pekerjaan asal peserta, seramai 36 orang ataupun 42.4% daripada keseluruhan peserta bekerja sebagai penoreh getah. Daripada jumlah itu, 21 orang ataupun 58.3% bekerja sebagai penoreh pawah (penoreh upahan). Selebihnya menoreh getah sendiri. Pendapatan yang sering diperolehi oleh mereka yang menoreh secara pawah ini ialah di antara \$150 - \$250.00 sebulan. Perbezaan pendapatan adalah mengikut keluasan

dan bilangan pokok getah yang ditoreh. Mereka yang menoreh getah sendiri menikmati hasil yang lebih baik. Kebiasaannya mereka memperolehi pendapatan di antara \$300 - \$450.00 sebulan. Sementara itu, yang bekerja sebagai pesawah pula adalah seramai 7 orang atau 8.2%. Pendapatan mereka sukar untuk ditentukan. Selanjutnya, seramai 42 orang menjalankan pekerjaan sebagai buruh binaan, peneroka, buruh kilang dan 'kerja kampung'. Kebanyakan mereka yang memasuki rancangan Felcra Belimbing Tolak ini untuk mendapatkan hak milik tanah dan seterusnya untuk mendapatkan pekerjaan tetap sebagai penoreh getah. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai kelulusan yang baik untuk mendapatkan pekerjaan yang memuaskan di sektor kerajaan. Lihat jadual 6.

JADUAL: 6

Pekerjaan Asal Peserta Felcra Belimbing Tolak

Pekerjaan	Bil. Peserta	Peratus
Penoreh	36	42.4
Bersawah	7	8.2
Lain-lain (buruh binaan, peneroka, buruh kilang dan 'kerja kampung')	42	49.4
Jumlah	85	100

Sumber: Risalah Felcra Belimbing Tolak.

Umur peserta merupakan faktor penting dalam menentukan produktiviti yang boleh dihasilkan. Pengkaji mendapati, purata umur peserta ialah 33.5 tahun.¹ Ini dapat dijelaskan lagi oleh jadual 7 di bawah:

JADUAL: 7

Umur Peserta

Umur (tahun)	Bil. Peserta	Peratus
0 - 25	0	0
26 - 30	7	19.0
31 - 35	26	72.2
36 - 40	3	8.4
Jumlah	36	100

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan purata umur di atas, jelas menunjukkan bahawa tahap produktiviti yang boleh dihasilkan oleh peserta adalah tinggi. Keadaan ini dapat dijelaskan lagi apabila kita mendapati hasil susu getah yang diperolehi pada tahun 1988 adalah sebanyak 559,860 kilogram. Ini bermakna hasil yang dikeluarkan oleh peserta Felcra ini adalah melebihi hasil yang diperolehi pada tahun 1987, iaitu sebanyak 94,288 kg. (465,572 kg.) dan melebihi anggaran yang dibuat pada tahun 1987 sebanyak 11,610 kg. (anggaran 548,250 kg.).²

Sementara itu, umur anak-anak peserta Felcra ini pula adalah di antara 1 hingga 8 tahun. Anak yang berumur di antara 7 - 8 tahun dihantar ke sekolah yang terdekat, iaitu di Sekolah Kebangsaan Tolak. Terdapat juga peserta-peserta yang membawa anak-anak mereka ke tempat kerja.

3.3 Kemudahan-Kemudahan Asas yang Didapati

Kemudahan asas merupakan unsur penting dalam menentukan pembangunan di sesuatu kawasan itu. Justeru itu, bahagian ini akan meninjau kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di Felcra ini. Tinjauan dibuat mengenai tempat penginapan, bekalan air, bekalan elektrik, jalan perhubungan, pemilikan harta dan lain-lain bentuk kemudahan asas.

3.3.1 Tempat Penginapan

Di rancangan Felcra Belimbing Tolak, peserta-peserta disediakan rumah kayu berbentuk sederhana dan tapak rumah seluas 1/4 ekar untuk setiap peserta. Rumah mereka dibina seragam di kawasan perkampungan peserta pada peringkat awalnya. Namun begitu, kebanyakan rumah yang disediakan ini telah diubah suai oleh peserta mengikut citarasa masing-masing. Daripada sampel kajian di dapati bahawa 14 buah rumah atau 39% telah diubah suai dan selebihnya (22 buah rumah atau 61%) tidak diubahsuai. Hanya sebuah rumah sahaja yang telah diubah 100% (yakni, merobohkan rumah yang disediakan dan mendirikan rumah baru). Kos pengubahsuaian rumah dianggarkan di antara \$700 - \$15,000.00.

Pembesaran diperlukan kerana bilangan ahli keluarga bertambah ramai. Sementara itu, jarak kawasan perkampungan dengan kawasan penanaman getah ialah sejauh 0.5 hingga 2.5 km.

3.3.2: Bekalan Air

Air merupakan bekalan harian yang amat penting. Bekalan air yang mencukupi dapat menjamin kesejahteraan hidup. Di rancangan Felcra ini, bekalan air paip telah disediakan oleh pihak kerajaan. Dengan adanya bekalan air paip, peserta-peserta di rancangan Felcra ini dapat menikmati air yang lebih bersih dan dapat menjamin kesihatan mereka.

3.3.3: Bekalan Elektrik

Keseluruhan rumah peserta diberi bekalan elektrik. Bekalan elektrik ini dinikmati 24 jam sehari semalam. Arah aliran penggunaan bekalan elektrik ini menunjukkan bahawa peserta-peserta di Felcra ini telah menikmati faedah sosial yang tinggi. Di samping itu, bekalan elektrik juga telah mendorong kepada penggunaan barangan elektrik yang agak meluas di kalangan peserta rancangan Felcra ini.

3.3.4: Jalan Perhubungan

Jalan perhubungan yang baik merupakan asas terpenting terhadap pembangunan ekonomi di sektor pertanian. Ia mempercepatkan kaedah pemasaran 'out-put' dijalankan dan membawa masuk 'input-input' pertanian dari luar. Jalan perhubungan berturap tar adalah jalan perhubungan yang utama di kawasan ini.

Jalan-jalan jenis ini memberi kemudahan asas dalam pengangkutan dan perhubungan yang sangat berguna kepada peserta terutama apabila memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Walaupun begitu, peserta terpaksa menggunakan lorong-lorong getah (jika lot getahnya di kawasan bukit) untuk ke tempat kerja dan untuk membawa keluar hasil-hasil penorehan mereka. Selain dari itu, mereka yang terpaksa menggunakan jalan denai untuk membawa hasil-hasil penorehan keluar ke tempat penimbangan dengan menggunakan motosikal ataupun basikal. Di samping itu, jalan tanah merah juga digunakan.

3.3.5: Pemilikan Harta

Dalam kajian ke atas pemilikan harta peserta-peserta, pengkaji hanya mengambil data-data mengenai harta guna untuk pertanian. Di samping itu, terdapat juga pemilikan alat-alat komunikasi, barangan elektrik, tanah (selain dari tanah yang diberikan oleh FELCRA) dan lain-lain bentuk pemilikan.

(a) Pemilikan Alat Pengangkutan

Terdapat berbagai jenis alat pengangkutan milik peserta di kawasan kajian. Keseluruhan peserta di rancangan ini mempunyai alat pengangkutan berkuasa injin seperti motosikal, kereta, van dan lori. Daripada 36 orang responden, 35 orang mempunyai motosikal, 5 orang mempunyai kereta, 2 orang mempunyai van/lori dan 18 orang mempunyai basikal. Dengan jumlah pemilikan motosikal yang tinggi (97.2%), dapat disimpulkan bahawa keseluruhan peserta menggunakan motosikal untuk perhubungan dan

sebagai alat pengangkutan hasil keluaran yang utama di kawasan ini. Kereta hanya digunakan untuk keluar ke pekan atau ke bandar sahaja. Kereta tidak digunakan untuk mengangkut hasil keluaran. Sementara basikal pula digunakan oleh anak-anak peserta, terutama apabila mereka pergi belajar.

(b) Pemilikan Alat Komunikasi

Alat komunikasi adalah penting untuk meningkatkan pengetahuan dan membolehkan penggunaanya sensitif terhadap isu-isu semasa serta lebih terdedah kepada kaedah pertanian moden yang diperkenalkan. Seramai 28 orang daripada 36 orang responden mempunyai televisyen, 19 orang mempunyai radio/kaset dan 5 orang mempunyai alat perakam video. Hanya 4 orang sahaja yang mempunyai ketiga-tiga alat komunikasi dan hiburan di atas. Selain dari itu, 5 orang sahaja yang melanggan akhbar harian secara terus dari kedai dan selebihnya hanya membeli akhbar ketika diperlukan sahaja. Di samping itu, hanya seorang peserta sahaja yang mempunyai talipon. Walaupun begitu, peserta-peserta boleh menggunakan talipon awam yang telah disediakan oleh pihak kerajaan ataupun menggunakan talipon di Pejabat Felcra Belimbing Tolak.

(c) Taraf Penggunaan Barangan Elektrik

Selain dari pemilikan televisyen, radio/kaset dan perakam video, terdapat juga pemilikan barangan elektrik yang lain seperti 'blender', peti sejuk, mesin basuh, cerek elektrik, dapur elektrik (rice-cooker) dan dapur gas. Seramai 24 orang menggunakan peti sejuk, 13 orang menggunakan mesin basuh, 12 orang mempunyai 'blender', 34 orang mempunyai dapur gas, 18 orang

orang mempunyai 'blender', 34 orang mempunyai dapur gas, 18 orang menggunakan cerek elektrik dan 29 orang mempunyai dapur elektrik (rice-cooker). Ini dapat ditunjukkan melalui jadual 8 di bawah:

JADUAL 8

Penggunaan Barangan Elektrik

Jenis Barangan Elektrik yang dimiliki	Bil. Peserta yang Memiliki Barangan Elektrik
'Blender'	12
Peti Sejuk	24
Mesin Basuh	13
Cerek Elektrik	18
Dapur Elektrik ('rice-cooker')	29
Dapur Gas	34

Sumber: Soal Selidik

3.3.6: Lain-Lain Bentuk Kemudahan Asas

Di rancangan Felcra ini terdapat sebuah surau, 2 buah kedai, 1 padang permainan kanak-kanak dan 1 padang permainan untuk orang dewasa.

Berdasarkan pemerhatian am, penggunaan surau di sini bolehlah dianggap memuaskan. Dianggarkan lebih daripada 60% peserta datang untuk berjemaah maghrib dan Isya', 10% datang berjemaah Zuhur dan Asar, dan 35% daripada peserta berjemaah Subuh di surau tersebut. Tidak ramai yang bersembahyang jemaah Zuhur dan Asar adalah disebabkan oleh pada waktu tersebut

peserta-peserta mempunyai urusan yang tersendiri seperti, melakukan kerja-kerja ladang, keluar ke pekan dan berbagai aktiviti lagi. Di samping itu, di surau ini juga pada setiap malam Rabu kelas agama diadakan. Guru agama dari Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah diundang untuk memberi ajaran agama. Selain dari itu, setiap malam Jumaat diadakan majlis bacaan Yaasin. Apa yang menarik soal keagamaan di Felcra ini ialah satu perkembangan Islam yang begitu jelas dan para peserta sering berbincang sesama sendiri mengenai hal-ehwal agama Islam.

Di rancangan Felcra Belimbing Tolak ini terdapat 2 buah kedai runcit untuk peserta membeli barang-barang keperluan dapur. Satu ialah kedai koperasi peserta dan satu lagi ialah kedai persendirian yang dimiliki oleh peserta. Jika dibandingkan di antara keduanya, operasi kedai koperasi peserta adalah lebih memuaskan. Kedai koperasi peserta menjalankan operasinya dari pukul 3.30 petang hingga 7.30 petang pada setiap hari kecuali hari Jumaat. Seramai 36 orang atau 100% responden mendapat bekalan dapur di kedai koperasi ini. Sistem pembelian yang sering digunakan oleh setiap peserta adalah secara hutang. Peserta membayar semua hutangnya pada setiap penghujung bulan (setelah mendapat gaji). Walaupun begitu, pada setiap hari Sabtu dan Selasa (pekan sehari) ada setengah daripada mereka keluar membeli barang-barang keperluan di Pekan Kuala Nerang.

Selain dari surau dan kedai, di sini juga terdapat padang permainan untuk kanak-kanak dan orang dewasa beriadah.

Pada setiap petang, kebanyakan anak-anak peserta akan turun bermain di padang permainan yang terletak berhampiran dengan taman didikan kanak-kanak. Di sini terdapat papan gelongsor, jongkang-jungkit, buaian dan sebagainya. Padang permainan untuk orang dewasa tidak digunakan lagi. Di sini pula terdapat sebuah padang bola, gelanggang sepak takraw dan badminton serta trek untuk berjogging (Jalan tar).

3.4: Aktiviti Ekonomi Peserta

Aktiviti ekonomi yang utama di sini ialah menoreh getah. Walaupun begitu, terdapat juga aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan yang dijalankan oleh peserta. Di Felcra ini terdapat 3 jenis aktiviti ekonomi sampingan yang utama, iaitu ternakan, perniagaan dan industri kecil peserta. Semua aktiviti ekonomi ini dijalankan di sekitar rancangan Felcra ini sahaja.

3.4.1: Penternakan

Seramai 9 orang peserta melibatkan diri dalam projek penternakan. 4 orang daripadanya menternak lembu yang berjumlah 40 ekor, 3 orang menternak ayam yang berjumlah 500 ekor dan 2 orang menternak biri-biri dan kambing yang berjumlah sebanyak 60 ekor. Mereka menternak lembu, biri-biri dan kambing di ladang getah mereka. Anggaran pendapatan yang bakal diperolehi oleh penternak lembu mengikut harga di pasaran semasa ialah di antara \$28,000 hingga \$36,000 dengan anggaran harga \$700 - \$900.00 seekor dalam tempoh di antara 2 hingga 3 tahun. Sementara

anggaran pendapatan yang bakal diperolehi dari penternakan kambing dan biri-biri pula ialah di antara \$4,200.00 hingga \$7,200.00 dengan anggaran harga pasaran di antara \$70.00 hingga \$120.00 seekor. Peserta yang terlibat di dalam projek ini mengawasi binatang ternakan apabila mereka selesai menoreh getah.

3.4.2: Perniagaan

Terdapat 2 buah kedai runcit, seorang pengedar barangan elektrik, seorang menyediakan perkhidmatan kereta sewa, seorang menyediakan perkhidmatan bas sekolah dan 2 orang peserta sebagai kontrektor binaan. Kesemua usahawan ini menggunakan modal permulaan dengan membuat pinjaman dari peruntukan Pinjaman Projek Ekonomi (PPE) yang dikeluarkan oleh pihak FELCRA. Kebanyakan mereka menjalankan aktiviti perniagaan di sekitar rancangan ini sahaja.

3.4.3: Industri Kecil

Terdapat 2 projek yang utama, iaitu projek mee kuning, cili boh dan tauhu, dan projek batu 'block'. Kedua-dua projek ini dijalankan di kawasan perkampungan peserta.

Projek mee kuning, cili boh dan tauhu memulakan operasinya sejak Disember 1985 dengan modal permulaannya berjumlah \$8,000.00 (31/PPE/85) dan modal tambahan sebanyak \$8,000.00 lagi (06/PPE/89). FELCRA telah memperuntukan sebanyak \$25,255.50 untuk membiayai pembinaan bangunan bengkel. 'Out-put' yang dapat dihasilkan mengikut jenis barangan yang dikeluarkan

adalah seperti berikut:

Mee Kuning - sehari 255 kg. - harga 80sen/kg.

Cili Boh - sehari 900 bungkus - harga 15sen/bungkus.

Tauhu - sehari 1,200 kampil - harga 9 sen/kampil.

Industri ini menjalankan operasi pasarannya di sekitar Kuala Nerang, Pasar Besar Alor Setar dan di persekitaran daerah Padang Terap, pasaran di pasar-pasar besar adalah secara borong. Pendapatan bersih sebulan adalah dianggarkan sebanyak \$4,500.00.

Sementara projek batu 'block' pula telah diusahakan sejak Februari 1986 dengan modal sebanyak \$2,000.00 (1b/PPE/87). Pembiayaan peralatan mesin diselenggarakan oleh pihak KEMAS. Sementara FELCRA pula memperuntukan sejumlah \$14,075.00 untuk pembinaan bangunan bengkel. 'Out-put' yang dihasilkan dalam sehari ialah sebanyak 1,500 unit dengan kadar harga 10sen seunit. Pendapatan bersih yang bakal diperolehi dianggarkan sebanyak \$1,400.00 sebulan. Ini dapat dijelaskan dalam jadual 9 di bawah:

JADUAL: 9

Perbelanjaan dan Pendapatan - Projek Batu 'Block'

	Pengeluaran	Pendapatan (\$)	Perbelanjaan Bhn. Buruh (\$) (\$)		Pendapatan Jumlah Bersih	
Harian	1,500 unit	150.00	64.00	20.00	94.00	56.00
Bulanan (25 hari)	37,500	3,750.00	1,600.00	500.00	2,350.00	1,400.00

Sumber: Risalah Felcra Belimbing Tolak

3.5: Penyertaan Peserta Dalam Aktiviti Sosio-Ekonomi

Terdapat berbagai pertubuhan sosial dan ekonomi di rancangan Felcra Belimbing Tolak ini. Di antaranya ialah Perkumpulan Wanita Dinamis Felcra (WADIRA). Koperasi Peserta Rancangan Felcra Belimbing Tolak Berhad (KPR), Jawatankuasa Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) dan Taman Asuhan kanak-kanak (TASKA atau Tunas Rebung), Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa UMNO cawangan dan Jawatankuasa Tabung Kebajikan Peserta. Semua jawatankuasa dan pertubuhan di atas adalah dinaungi oleh Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP) yang dipengerusikan oleh Pengurus Felcra Belimbing Tolak sendiri. Semua jawatankuasa dan pertubuhan tersebut dilibati secara langsung oleh peserta dan pegawai-pegawainya menjadi penasihat kepada setiap jawatankuasa atau pertubuhan yang ditubuhkan.

3.5.1: Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA)

WADIRA yang ditubuhkan sejak 1982 mempunyai 84 orang ahli. Ahli-ahlinya terdiri daripada isteri-isteri peserta. Kewujudan WADIRA telah dapat memberi manfaat yang besar kepada mereka. Dengan adanya WADIRA, mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi bagi menampung pendapatan suami. Di antara aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan adalah seperti ceramah-ceramah mengenai tugas dan tanggungjawab isteri, ceramah kesihatan dan agama; dan kelas masakan dan jahitan. Sementara kegiatan ekonomi mereka pula, mereka telah mengadakan kuih-muih untuk dijual pada setiap hari raya, memproses dan menjual makanan

ringan seperti kerepek pisang dan ubi; dan juga jualan kain batik. Oleh kerana modal yang diperlukan tidak terlalu besar, maka WADIRA mengenakan yuran ahli sebanyak 50 sen sebulan sebagai modal pusingan.³

3.5.2: Koperasi Peserta Rancangan Felcra Belimbing Tolak Berhad (KPR)

KPR ditubuhkan atas matlamat untuk memberi peluang kepada peserta melibatkan diri di sektor ekonomi. Justeru itu, kebanyakan program yang dijalankan secara langsung melibatkan peserta di rancangan Felcra ini. Koperasi ini menggunakan sistem saham. Koperasi memotong terus daripada pendapatan peserta untuk dilaburkan di dalam saham tersebut. Di antara projek yang telah dijalankan, seperti kontrek membina dan mengecat tandas dan stor di Felcra ini, kontrek membina surau yang berharga \$985.80 sen, kontrek membina rumah pegawai di Rancangan Felcra Gugusan Bukit Tampoi, kontrek penanaman getah di Rancangan Felcra Bukit Kepah dan memberi kemudahan pinjaman untuk membeli motosikal dan pengubahsuaian rumah. Peserta-peserta yang meminjam wang dari koperasi, membayar kembali hutang sebanyak 7% daripada pendapatan pada setiap bulan sehinggalah hutangnya dilangsaikan. Sementara keuntungan yang diperolehi pula akan dibayar kepada peserta dalam bentuk dividen sebanyak 10% daripada jumlah keuntungan koperasi.⁴

3.5.3: Jawatankuasa (J/K) Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA - Tunas Rebung)

Pembentukan pembelajaran anak-anak di Felcra ini

bermula pada peringkat umur di antara 1 hingga 6 tahun. Anak-anak yang berumur di antara 1 hingga 4 tahun dimasukkan ke TASKA atau di sini lebih dikenali sebagai Tunas Rebung. Yuran bulanan yang dikenakan ialah sebanyak \$10.00 seorang. Umur anak-anak sekali lagi dipisahkan di Tunas Rebung iaitu berdasarkan umur di antara 1 - 2 tahun dan 2 - 4 tahun. Sementara TADIKA pula hanya dikhaskan kepada kanak-kanak yang berumur di antara 5 - 6 tahun sahaja. Yuran bulanan yang dikenakan di TADIKA ini pula ialah sebanyak \$4.00 seorang. Dengan adanya pembahagian umur, tahap-tahap kecergasan dan kecerdasan anak-anak akan senang dilihat oleh tenaga pendidik yang bertugas.

(a) TASKA/Tunas Rebung

Tunas Rebung telah memulakan operasinya pada bulan Januari 1989 dengan jumlah kanak-kanak yang berdaftar seramai 34 orang, iaitu 16 orang lelaki dan 18 orang perempuan. Jumlah tenaga pengajarnya ialah seramai 5 orang iaitu 4 orang isteri peserta dan seorang sukarelawati dari Jepun. Setiap perkembangan kanak-kanak direkodkan oleh pengajar di dalam buku rekod pelajar atau kanak-kanak pada setiap hari. Di antara aktiviti harian kanak-kanak di TASKA ini adalah seperti jadual harian pelajar di bawah:

Jadual Harian Pelajar

Umur Kanak-kanak 1 - 2 tahun

8.30 pagi - 9.00 pagi - Meniti permainan kayu untukimbangan,
permainan air, permainan di tempat

sekitar.

10.45 pagi - 11.15 pagi - Mencantun gambar, melihat buku, bercerita melalui gambar, nyanyian kaset dan memeriksa kebersihan kanak-kanak.

Umur Kanak-Kanak 2 - 4 Tahun

7.00 pagi - 8.15 pagi - Aktiviti bebas.

8.15 pagi - 8.30 pagi - Sarapan pagi dan doa.

8.30 pagi - 9.00 pagi - Bersih kawasan TASKA, permainan air, bersenam.

9.00 pagi - 10.45 pagi - Permainan bebas, rehat dan mandi, nyanyian, melihat buku dan bercerita.

10.45 pagi - 11.15 pagi - Mewarna, mengenal binatang, melukis lukisan dengan menggunakan pelepah pisang.

11.15 pagi - 11.45 pagi - Makan tengahari.

11.45 pagi - 12.00 tengahari - Membersih diri dan gosok gigi.

12.00 tengahari - 2.00 petang - Aktiviti bebas dan persiapan untuk pulang.

Walaupun berbagai aktiviti dijalankan, namun sejauh mana keberkesanan perkembangan kanak-kanak adalah terlalu sukar untuk diukur. Ini adalah kerana Tunas Rebung ini hanya baru dibuka dan penelitian yang teratur masih tidak dapat dilakukan. Apa yang dapat dilakukan oleh tenaga pendidik hanyalah semata-

Apa yang dapat dilakukan oleh tenaga pendidik hanyalah semata-mata merekodkan setiap perkembangan kanak-kanak pada setiap hari dan membandingkannya pada setiap penghujung bulan.

(b) TADIKA

TADIKA memulakan operasinya sejak bulan April 1987. Pada masa kini, jumlah kanak-kanak yang belajar di sini adalah seramai 60 orang (30 orang lelaki dan 30 orang perempuan) dengan 2 orang tenaga pengajar dan 2 orang pembantu yang juga terdiri daripada isteri peserta. Umur kanak-kanak yang belajar di TADIKA ini ialah di antara 5 - 6 tahun, di mana seramai 28 orang berumur 5 tahun dan 32 orang berumur 6 tahun. Di antara aktiviti harian yang dijalankan adalah seperti beriktu:-

- Ahad : Pendidikan ketatanegaraan, perkembangan bahasa dan perkembangan sosio-emosi.
- Isnin : Perkembangan sosio-emosi, perkembangan estetika dan daya kreatif serta pendidikan agama.
- Selasa : Pendidikan agama, perkembangan bahasa dan perkembangan fizikal.
- Rabu : Perkembangan bahasa, perkembangan estetika dan daya kreatif dan perkembangan kognitif.
- Khamis : Pendidikan kerohanian dan moral, perkembangan kognitif dan perkembangan fizikal.

Apa yang menjadi masalah pada peringkat ini ialah kenakalan kanak-kanak dan mereka sering bergaduh sesama sendiri. Namun begitu, kenakalan kanak-kanak ini dapat dikawal melalui

kaedah psikologi yang digunakan oleh tenaga pengajar yang terlatih.

Dengan adanya TASKA dan TADIKa ini, anak-anak peserta dididik dan diberi pendedahan yang baik terhadap pentingnya ilmu pengetahuan. Di samping itu, mereka juga mempunyai aktiviti sendiri, terutamanya apabila ibu-bapa keluar untuk bekerja.

3.5.4: Jawatankuasa Tabung Kebajikan Peserta

Jawatankuasa ini dibentuk untuk mengumpul wang bagi peserta di masa kecemasan. Para peserta sering mengalami masalah kewangan. Ini disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu. Dengan lain kata, para peserta boleh meminjam wang dari tabung ini jika mereka mengalami kesulitan di dalam perbelanjaan harian.

Tabung kebajikan ini memperolehi sumber kewangan daripada potongan sebanyak 2% dari hasil pendapatan peserta pada setiap bulan. Sehingga kajian ini dibuat, jumlah wang yang terkumpul ialah \$15,000.00. Jika pinjaman yang dibuat oleh peserta melebihi \$50.00, maka Ahli Jawatankuasa Tabung kebajikan Peserta terpaksa mengadakan mesyuarat untuk menimbangkan permohonan itu. Keadaan begini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ahli yang gagal mendapat pinjaman. Namun begitu, pihak ahli jawatankuasa ini menerangkan sebab-sebab pinjaman itu tidak diluluskan kepada ahli yang terlibat. Pengkaji menemui salah seorang ahli yang pernah gagal membuat pinjaman. Menurutnya, beliau cuba mendapatkan pinjaman wang untuk menampung wang yang sedia ada untuk membeli sebuah

televisyen. Oleh kerana tujuannya ini dianggap tidak penting (bukan untuk kegunaan kecemasan), maka pihak jawatankuasa ini menolak permohonannya. Persoalan ini dianggap penting kerana proses kehidupan sosial di dalam sesuatu komuniti yang kecil perlu mewujudkan persefahaman yang nyata di kalangan ahli-ahli.

Sementara pinjaman yang sering diluluskan oleh jawatankuasa ini ialah pinjaman untuk mengadakan kenduri, kematian, pinjaman perubatan dan pinjaman untuk memperbaiki rumah yang telah rosak.

3.5.5: Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP)

JKKP dipengerusikan oleh Pengurus Felcra Belimbing Tolak sendiri. Jawatankuasa ini merupakan badan induk kepada semua pertubuhan dan jawatankuasa yang ada. Setiap aktiviti pertubuhan dan jawatankuasa perlulah merujuk kepada JKKP. Justeru itu, JKKP bolehlah dianggap sebagai tempat merujuk, memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada semua jawatankuasa yang ada dalam menjalankan kegiatan-kegiatan yang dirancang. Carta AJJKP dapat ditunjukkan melalui carta organisasi.

Setiap sesi diberi tanggungjawab untuk memastikan perjalanan program jawatankuasanya. Contohnya, Pengerusi sesi pendidikan akan memastikan perjalanan TASKA dan TADIKA berjalan dengan lancar sepertimana yang telah dirancang.

3.6: Pendapatan Peserta

Pengukuran peningkatan ekonomi peserta bolehlah dirujuk kepada pendapatan bulanan yang diperolehi. Iklim

JADUAL: 10

Carta Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP)



merupakan faktor penting dalam menentukan jumlah pendapatan peserta. Kekerapan turunnya hujan akan menyebabkan jumlah pendapatan peserta berkurang. Begitulah sebaliknya. Walaupun pada masa kini alat pelindung hujan telah diperkenalkan, namun di Felcra ini masih lagi tidak digunakan.

Pendapatan bersih (setelah ditolak 25% untuk membayar hutang mereka kepada FELCRA) yang sering diterima oleh peserta pada setiap bulan ialah di antara \$150.00 hingga \$450.00 (pendapatan dari hasil penorehan). Seramai 12 orang menerima pendapatan di antara \$251.00 hingga \$300.00. Ini dapat dilihat dalam jadual 11:

JADUAL: 11

Jadual Pendapatan Peserta

Pendapatan Peserta	Bil. Peserta	Peratus
\$150.00 - \$200.00	2	5.6
\$201.00 - \$250.00	3	8.3
\$251.00 - \$300.00	12	33.3
\$301.00 - \$350.00	6	16.7
\$351.00 - \$400.00	7	19.4
\$401.00 - \$450.00	6	16.7
Jumlah	36	100

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 11, pendapatan purata yang diperolehi peserta ialah \$350.00 sebulan.⁵ Ini bererti pendapatan peserta di Felcra ini tidaklah begitu meningkat jika dibandingkan dengan penoreh-penoreh getah yang tinggal di kampung yang berhampiran. Pendapatan purata yang diterima oleh mereka ialah \$335.00 sebulan.

Tetapi walaubagaimanapun, pendapatan yang diperolehi oleh peserta pada tahun 1988 (Jadual 12) adalah lebih tinggi. Berdasarkan jadual 12, pendapatan purata yang tinggi ialah \$1,710.75 iaitu pada bulan Disember. Pendapatan purata terendah

pula ialah \$342.19 iaitu pada bulan Mei. Jika berdasarkan Jadual 12, pendapatan purata bagi sepanjang tahun 1988 ialah di antara \$342.19 hingga \$1,710.75. Secara keseluruhannya pada bulan April, Mei dan Julai, pendapatan purata bulanan mereka adalah kurang daripada \$500.00.

JADUAL: 12

Pendapatan Peserta Bagi Tahun 1988

Bulan	Tertinggi (\$)	Terendah (\$)	Purata (\$)
Januari	2,768.11	1,060.76	1,601.87
Februari	1,865.25	667.65	1,327.57
Mac	1,264.73	232.03	797.15
April	816.11	647.22	367.92
Mei	821.27	14.16	342.19
Jun	2,130.38	572.76	1,449.01
Julai	852.17	233.63	498.44
Ogos	1,197.48	418.64	1,084.37
September	998.46	120.74	566.09
Oktober	1,170.08	48.80	788.9
November	1,388.13	400.47	997.64
Disember	2,420.15	1,092.46	1,710.75

Sumber: Risalah Felcra Belimbing Tolak

3.7: Hasil Keluaran dan Pendapatan

JADUAL: 13

Pengeluaran Hasil dan Pendapatan Tahunan

Tahun	Hasil (k.g)	Pendapatan (\$)	Pendapatan Komulatif
1980	16,892	37,167.47	33,167.47
1981	119,783	227,103.66	193,936.19
1982	199,647	280,421.30	53,317.64
1983	231,251	401,726.03	121,304.73
1984	319,973	532,528.15	130,802.12
1985	357,880	509,552.64	-22,975.51
1986	454,791	678,065.95	168,513.31
1987	470,245	978,272.15	300,206.1
1988	514,739	1,371,918.63	393,646.5

Sumber: Risalah Felcra Belimbing Tolak.

(Data telah diubahsuai oleh pengkaji dengan memasukkan Pendapatan Komulatif).

Berdasarkan jadual 13, jelas menunjukkan bahawa peningkatan pengeluaran hasil yang berterusan sejak tahun 1980. Pada tahun 1985, walaupun hasilnya melebihi jumlah hasil tahun 1984, tetapi pendapatan yang diperolehi adalah lebih rendah daripada pendapatan tahun 1984. Berdasarkan pendapatan

komulatif, pada tahun 1985, jumlah pendapatan adalah berkurangan sebanyak \$22,975.51. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara/dunia dan kejatuhan harga getah yang ketara. Namun begitu, selepas tahun 1985 kita dapati berlaku peningkatan yang berterusan terhadap pengeluaran hasil dan pendapatan. Pada tahun 1988, pengeluaran hasilnya ialah 514,739 kg. dan pendapatan yang diperolehi ialah sebanyak \$393,646.5. Peningkatan hasil ini berlaku kerana keadaan pokok getah yang semakin matang.

3.8: Tabungan

Tabungan merupakan lebih perbelanjaan pendapatan seseorang dan kemudiannya lebih tersebut ditabungkan. Tujuan tabungan adalah sebagai spekulasi, awasan dan untuk bayaran tertunda. Konsep tabungan ini juga sama pentingnya dengan konsep perbelanjaan yang dikemukakan oleh C.E Bishop dan W.D Taussaint.⁶ Mengikut beliau, seseorang pengurus (peserta) hendaklah menentukan kuantiti (jumlah) yang dikehendaki bagi tiap-tiap perbelanjaan terhadap barangan yang hendak dikeluarkan. Selebihnya ditabung untuk tujuan awasan dan modal masa depan.

Kebanyakan peserta di Felcra yang membuat tabungan adalah untuk tujuan menunaikan fardhu haji (Simpanan dalam tabung haji), persediaan di masa kecemasan dan untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak di masa hadapan (lain-lain institusi kewangan ataupun bank).

Seramai 11 orang peserta menabung di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), 6 orang menabung di lain-lain institusi

kewangan seperti di Bank Bumiputra, Bank Pertanian, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan 2 orang bermain 'kutu'. Semua institusi kewangan tersebut terdapat di Pekan yang berhampiran iaitu di Pekan Kuala Nerang. Pengkaji mendapati 47.2% daripada responden tidak menyimpan di mana-mana institusi Kewangan. Selain dari itu, semua peserta menjadi ahli KPR. Mereka membuat pelaburan sebanyak 4% dari hasil yang diperolehi pada setiap bulan. Mereka mempunyai banyak faedah apabila mereka melabur dalam KPR (seperti yang diterangkan dalam bab 3.5.2: KPR)

Jumlah tabungan peserta dapat dilihat dalam jadual 14 di bawah:

JADUAL: 14

Jumlah Tabungan Peserta

Jumlah Tabungan	Bil. Peserta	Peratus
0 - 100	5	13.9
101 - 200	5	13.9
201 - 300	3	8.3
301 - 400	4	11.1
Kurang 4,000	2	5.6
Tiada Tabungan	17	47.2
Jumlah	36	100

Sumber: Soal Selidik

3.9: Perbelanjaan

Pengkaji menghadapi masalah dalam mendapatkan jumlah perbelanjaan bulanan yang tepat daripada responden. Masalah ini timbul kerana para peserta tidak dapat menganggar dengan tepat jumlah perbelanjaan bulanan sebenar. Namun begitu, responden hanya mencatatkan jumlah hutang yang sering dituntut oleh kedai koperasi, terutamanya terhadap keperluan makanan ataupun runcit.

Pola perbelanjaan peserta di rancangan ini dibahagikan kepada 4 jenis perbelanjaan, iaitu perbelanjaan untuk keperluan makanan, keperluan pakaian, bayaran terhadap kemudahan asas seperti air dan elektrik; dan lain-lain perbelanjaan termasuklah perbelanjaan anak ke sekolah, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan untuk peralatan menoreh (timba/baldi, pisau torehan, pancur susu).

(a) Perbelanjaan Untuk Keperluan Makanan dan Runcit

Keseluruhan peserta membelanjakan wang untuk keperluan makanan dan runcit. Sebanyak 93.3% dari 30 orang responden (6 orang tidak mengisi butir-bitir ini) mendapatkan bekalan runcit dengan cara berhutang di Kedai Koperasi dan 6.7% mendapatkannya dengan cara tunai. Semua responden mendapatkan bekalan runcit dari kedai koperasi yang terdapat di kawasan perkampungan peserta. Jumlah perbelanjaan peserta boleh dilihat melalui jadual 15. Perbelanjaan peserta ini bergantung pada quantiti dan nilai barangan yang ingin diperolehi untuk keluarga mereka.

Jumlah Perbelanjaan Peserta

Perbelanjaan	Bil. Peserta	Peratus
\$ 50.00 - \$100.00	10	33.3
\$101.00 - \$150.00	8	26.7
\$151.00 - \$200.00	5	16.7
\$201.00 - \$250.00	6	20.0
Melebihi \$250.00	1	3.3
Jumlah	30	100

Sumber: Soal Selidik

(b) Perbelanjaan Untuk Keperluan Pakaian

Para peserta begitu sukar menentukan jumlah perbelanjaan sebenar untuk pakaian bagi sebulan. Purata perbelanjaan yang dikemukakan oleh peserta ialah di antara \$30.00 hingga \$100.00 sebulan. Perbelanjaan ini bergantung kepada jumlah ahli keluarga. Pengkaji mendapati jika jumlah ahli keluarga seramai 3 hingga 5 orang, maka perbelanjaan untuk pakaian dalam sebulan ialah di antara \$30.00 hingga \$70.00 dan bagi ahli keluarga yang seramai 6 hingga 8 orang pula jumlah perbelanjaannya ialah di antara \$70.00 hingga \$100.00 sebulan. Jumlah perbelanjaan pakaian ini rendah kerana kebanyakan para peserta tidak memilih jenama. Di samping itu, kebanyakan dari

mereka hanya membeli pakaian di Pekan Kuala Nerang sahaja.

(c) Perbelanjaan Untuk Kemudahan Asas

Perbelanjaan untuk kemudahan asas yang utama seperti air dan elektrik di rancangan Felda ini adalah berdasarkan kadar penggunaannya. Kebiasaannya, para peserta membelanjakan di antara \$8.00 hingga \$12.00 sebulan untuk bekalan air. Bagi peserta yang menggunakan air untuk mencuci kenderaan dan penggunaan mesin basuh, bayaran yang dikenakan ialah di antara \$10.00 hingga \$12.00 sebulan.

Sementara itu, bayaran untuk bekalan elektrik pula ialah di antara \$15.00 hingga \$30.00 sebulan. Ini mengikut kadar penggunaan elektrik. Bagi peserta yang menggunakan banyak barangan elektrik, yakni lebih dari 4 jenis, bayaran yang dikenakan (berdasarkan meter) ialah di antara \$20.00 hingga \$30.00 sebulan. Sementara bagi mereka yang menggunakan barangan elektrik kurang dari 4 jenis, bayaran yang dikenakan ialah di antara \$15.00 hingga \$20.00. Semua bayaran ini dibayar di Pejabat Pos Kuala Nerang.

(d) Perbelanjaan Lain

Di dalam perbelanjaan lain, pengkaji menumpukan kepada 3 jenis perbelanjaan, iaitu perbelanjaan persekolahan anak-anak, perbelanjaan perjalanan (untuk ke tempat kerja dan mengangkut hasil torehan) dan perbelanjaan untuk membeli peralatan menoreh. Pengkaji mendapati perbelanjaan persekolahan anak-anak dan kenderaan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan

perbelanjaan untuk peralatan bekerja (penoreh getah). Pada peringkat awal, mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk membeli peralatan seperti pisau toreh, baldi, cawan/mangkuk getah, pancur/sudu getah dan sebagainya. Jadi perbelanjaan bulanan untuk ini sukar untuk ditentukan oleh peserta. Jumlah perbelanjaan untuk ketiga-tiga jenis perbelanjaan tersebut dapat dilihat dalam jadual 16 di bawah:

JADUAL: 16

Lain-Lain Perbelanjaan

Jenis Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan
Perbelanjaan Persekolahan Anak	\$10.00 - \$30.00
Perbelanjaan Perjalanan	\$10.00 - \$15.00
Perbelanjaan Pertanian	\$ 5.00 - \$15.00 (anggaran kasar oleh peserta)

Sumber: Soal Selidik

Jumlah perbelanjaan persekolahan anak-anak adalah bergantung kepada jumlah anak dalam sesebuah keluarga. Jika anak-anak peserta hanya masih belajar di TASKA ataupun TADIKA, maka jumlah perbelanjaannya ialah di antara \$10.00 hingga \$15.00 sebulan. Yuran bulanan TASKA yang dikenakan ialah \$10.00 dan yuran bulanan TADIKA pula ialah \$4.00. Bayaran selebihnya ditanggung oleh pihak FELCRA. Bagi peserta yang mempunyai anak-

anak yang belajar di sekolah rendah pula, biasanya perbelanjaan bulanan ialah di antara \$20.00 hingga \$30.00. Kanak-kanak menggunakan bas sekolah untuk ke sekolah. Bayaran yang dikenakan ialah \$7.00 sebulan. Wang perbelanjaan harian mereka ialah di antara 50 sen hingga 70 sen seorang. Jika seorang peserta mempunyai seorang anak yang belajar di sekolah rendah bererti ia terpaksa membelanjakan wang di antara \$19.00 hingga \$23.00 sebulan.

Sementara perbelanjaan perjalanan pula adalah tidak begitu tinggi kerana jarak rumah peserta dengan tempat kerja ialah dianggarkan di antara 0.5 hingga 2.5 km sahaja.

3.10: Kesimpulan

Pengkaji mendapati bahawa taraf sosio-ekonomi peserta telah mencapai tahap yang agak memuaskan. Namun begitu, jika dilihat dari sudut pendapatan yang diterima dari hasil penorehan getah, tidaklah menunjukkan peningkatan yang tinggi. Dengan pendapatan purata bulanan sebanyak \$350.00, bererti jurang pendapatan di antara peserta dengan 'penoreh kampung' tidaklah begitu jauh. Walaupun begitu, pihak FELCRA memberi galakan dan dorongan serta insentif modal kepada peserta agar mereka menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi sampingan (seperti yang diterangkan dalam bab 3.4). Dengan adanya penglibatan peserta dalam aktiviti ekonomi ini, maka jumlah pendapatan peserta dapat ditingkatkan.

Dari sudut sosial, pertubuhan dan persatuan

(Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dibentuk) yang ditubuhkan telah dapat memberi faedah yang besar terhadap perkembangan sosial peserta. Ini bermaksud, peserta-peserta lebih terdedah kepada kaedah pengorganisasian pertubuhan, pentingnya berpersatuan dan dapat mengeratkan lagi perhubungan di antara ahli. Selain itu, mereka juga dapat menikmati kemudahan asas yang disediakan dengan sempurna.

Nota Kaki

1. Purata umur peserta ini diperolehi dengan mencampurkan keseluruhan umur responden (1208) dan dibahagikan dengan jumlah responden (36).
2. Statistik Anggaran dan Pendapatan Hasil 1987/1988
Felcra Belimbing Tolak, Kuala Nerang, Kedah.
3. Temubual dengan Pengerusi WADIRA, Isnin, 19hb. Jun, 1989.
4. Temubual dengan Pengerusi KPR, SNIN, 19hb. Jun, 1989.
5. Pendapatan purata ini diperolehi dengan mencampurkan pendapatan responden (12,600.00) dan dibahagikan dengan jumlah responden (36 orang).
6. C.E Bishkop dan W.D Taussaint, Pengenalan Kepada Analisa Ekonomi Pertanian, Terjemahan Amir Husin Baharuddin, PhD.
(USM), Kuala Lumpur, DBP 1980, hal. 25 - 26.

BAB 4: TARAF SOSIO - EKONOMI PESERTA

Di Malaysia, masalah kemiskinan amat ketara sekali di kawasan luar bandar. Hampir 80% golongan miskin tinggal di kawasan ini.¹ Justeru itu, untuk membuat penilaian terhadap sosio-ekonomi peserta, terlebih dahulu perlu dijelaskan tentang konsep dan pengukuran kemiskinan.

4.1 Konsep dan Pengukuran Kemiskinan

Tiada satu definisi konsep kemiskinan yang tepat. Terdapat berbagai pengertian dari pendekatan kajian yang berlainan. Justeru itu, kemiskinan adalah sesuatu yang subjektif, tetapi dapat diukur melalui kaedah-kaedah tertentu, seperti melihat kepada jumlah pendapatan yang diperolehi, pemilikan harta, tabungan, perbelanjaan dan kemudahan serta keperluan asas.

Menurut Syed Husin Ali, Konsep kemiskinan ialah keadaan kekurangan (deprivasi) keperluan-keperluan 'asas' (makanan, pakaian, perlindungan) dan 'terbitan' (kemudahan air, elektrik, kesihatan dan rekreasi). dalam status sosial, mereka diklasifikasikan sebagai masyarakat bawahan. Sementara dari sudut ekonomi pula mereka terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah, kurang memiliki harta dan berstatus pekerjaan rendah.

Ahli-ahli ekonomi² mendefinisikan kemiskinan sebagai keadaan tidak berkemampuan memenuhi keperluan-keperluan asas hidup seperti makanan, pakaian dan perlindungan; dan

perkhidmatan-perkhidmatan awam (pelajaran, bekalan air, bekalan elektrik dan rawatan kesihatan). Kamil Salih³ mengatakan konsep kemiskinan adalah bercirikan pendapatan yang tidak mencukupi, tiada sebarang kuasa dalam masyarakat, kurang menikmati keperluan asas dan kini dikaitkan dengan faktor-faktor "Struktural" (ekonomi, agihan pendapatan dan kuasa-kuasa lain) serta faktor-faktor "Konjektural" (tekanan dari masyarakat maju).

Sementara ahli-ahli sosiologi pula cuba mengemukakan konsep yang agak berlainan.⁴ Mereka menganggap ia sebagai keadaan 'bersubsistem', 'ketidak seimbangan' dan 'pengasingan dari masyarakat'. 'Subsistem' bermaksud keperluan minima untuk mengekalkan kesihatan dan kekuatan fizikal untuk bekerja. 'Ketidak seimbangan' pula ialah kedudukan ekonomi yang berlainan dalam berbagai kumpulan dan 'pengasingan' adalah keadaan terasing dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

C.J Wilson⁵ membuat 2 pembahagian terhadap konsep kemiskinan, iaitu kemiskinan mutlak (absolute poverty) dan kemiskinan relatif (relative poverty). Konsep kemiskinan mutlak difahami sebagai jumlah bahan-bahan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk maksud kesihatan dan keupayaan bekerja. Jumlah bahan-bahan asas yang minima ini perlu ditukarkan ke dalam bentuk nilai wang supaya dapat menetapkan satu garis kemiskinan. Selain itu, bahan-bahan makanan yang mungkin tidak berzat perlu diambil kira. Walau bagaimanapun, konsep mutlak ini mempunyai kelemahannya. Umpamanya, dari segi harga yang berbeza untuk

bahan-bahan yang sama di tempat-tempat yang berlainan akan menyebabkan perbezaan nilai apabila bahan-bahan ini dinilai dalam bentuk wang.

Sementara konsep relatif pula mengatakan bahawa kemiskinan mesti dilihat dalam konteks masyarakat keseluruhannya di mana peningkatan pendapatan perkapita akan menyebabkan perubahan nisbah kemiskinan itu sendiri. Konsep ini dilihat dari sudut kemiskinan itu sendiri. Konsep ini dilihat dalam perhubungan konvensi sosial dan taraf hidup dalam sesuatu masyarakat. Sebagai contoh, individu di Amerika Syarikat yang dikatakan 'miskin' mungkin mempunyai pendapatan melebihi pendapatan individu lain yang dikatakan 'sederhana' di India.

Konsep mutlak lebih mementingkan 'kadar sub-sistem' yang minima kosnya, manakala konsep relatif lebih menegaskan kepada taraf hidup masyarakat dan kadar pendapatan minima yang dikatakan 'miskin' untuk tujuan-tujuan perbandingan. Walaupun konsep mutlak lebih mementingkan penentuan jumlah bekalan minima untuk terus hidup (Survival), manakala konsep relatif lebih menegaskan kepada penentuan jenis-jenis keperluan asas. Kedua-dua ini mempunyai perbezaan walaupun garis pemisahannya adalah kabur. Ini adalah kerana ia sama-sama mengutamakan faktor jumlah pendapatan minima untuk terus hidup.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa kedua-dua konsep mutlak dan relatif berfungsi secara berasingan dalam menggambarkan keadaan sosio-ekonomi yang mundur di kalangan

penoreh-penoreh getah.

Di dalam kajian mengukur kemiskinan, timbul kesulitan apabila terdapat ketidak seragaman dalam kaedah mengukur. Namun begitu, Samuel Mancher⁶ mengatakan dasar umum adalah mengutamakan dua kaedah terpenting. Pertama, pembentukan rangka konseptual atau teoritikal kajian yang lebih baik. Kedua, pengaplikasian teknik-teknik yang sah dan bertanggungjawab dalam mengumpul dan menyusun data-data yang relevan.

Dalam hal ini, 'profil kemiskinan' memerlukan satu set petunjuk yang berbagai supaya dapat memberi suatu gambaran yang jelas tentang kedudukan golongan miskin. Satu persoalan yang masih belum diselesaikan ialah tidak ada persetujuan muktamad mengenai pengaplikasian 'universal' sesuatu teori dalam rancangan-rancangan pembangunan. Walaupun begitu, terdapat tiga aspek ekonomi yang dikatakan sebagai punca kemiskinan, iaitu pendapatan rendah, Pendidikan rendah dan pekerjaan berstatus rendah. Ketiga-tiga ini mempunyai perkaitan yang rapat di mana individu-individu yang berpendidikan rendah akan hanya layak untuk jenis pekerjaan buruh yang berpendapatan rendah.

Menurut Peter Townsend,⁷ sesuatu teori kemiskinan mempunyai empat konsep yang penting:

(a) Sumber-sumber (resources) yang meliputi:

- Wang tunai dari gaji, pencen dan dividen.
- Harta dan modal, wang simpanan dan tunai, saham, tanah, bangunan dan kelayakan akademik.
- Peluang-peluang pekerjaan, faedah-faedah percuma,

kereta, rumah dan rekreasi.

- Perkhidmatan sosial, kebajikan dan kesihatan.
- Sumber persendirian, hadiah dan derma.

(b) Kedudukan dalam masyarakat (total rank).

- Status ekonomi dalam masyarakat.

(c) Kekurangan (deprivasi)

- Kekurangan peluang-peluang menikmati kemudahan-kemudahan ekonomi dan sosial.

(d) Pengekalan kedudukan (Constancy of rank):

- bagaimana mengekalkan kedudukan dalam sesuatu strata.

Perbincangan mengenai konsep kemiskinan ini akan dikaitkan dengan penilaian terhadap sosio-ekonomi responden. Justeru itu, konsep-konsep kemiskinan yang telah diberikan secara ringkas di dalam bahagian ini akan dijadikan panduan dan pengukuran kepada penilaian tersebut.

4.2: Taraf Pembangunan Sosial

Dalam proses pembangunan sosial, konsep mobilisasi sosial tidak dapat dipisahkan. Konsep ini ditakrifkan oleh Karl Deutsch⁸ sebagai satu proses "tanggungjawab kelompok-kelompok besar terhadap sosial, ekonomi dan psikologi lama, mengikis dan memecahkan serta memudahkan orang menyediakan permasyarakatan dan kelakuan dalam pola baru". Mobilisasi ini bererti perubahan aspirasi dan kelakuan individu; dan kumpulan dalam lingkungan negara-negara yang sedang membangun. Dalam hal ini, individu dan kumpulan akan bersatu dalam suatu jaringan ekonomi, politik dan

sosial yang lebih luas. Justeru itu, pengkaji cuba menjadikannya sebagai 'model asas' kepada penilaian terhadap pembangunan sosial para peserta.

Secara umumnya, para peserta di Felcra ini menikmati 'proses' pembangunan sosial yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Kriteria utama yang diambilkira oleh pengkaji ialah adanya tingkat kemudahan asas yang tinggi. Ini bermaksud, segala bentuk kemudahan dan keperluan asas seperti jalan perhubungan yang sempurna, bekalan air paip, bekalan elektrik, talipon awam, surau, dewan orang ramai, pusat pendidikan untuk kanak-kanak dan klinik desa boleh didapati di sini. Semua peserta menggunakan kemudahan asas yang disediakan dengan produktifnya.

Kedua, pola perhubungan sosial di sini terbahagi kepada 3 jenis perhubungan yang utama, iaitu perhubungan di antara peserta, perhubungan peserta dengan kakitangan Felcra dan perhubungan peserta dengan penduduk sekitar. Perhubungan di antara peserta dengan peserta, dapat dikatakan sebagai perhubungan dan interaksi yang harmonis. Walaupun begitu, terdapat juga konflik sosial. Penyelesaian konflik lazimnya dijalankan oleh ketua peserta dan kakitangan FELCRA yang bertugas di Felcra ini. Di dalam hal ini, pengurus Felcra sering menjadi pendamai (orang tengah). Ketua peserta akan mengemukakan segala masalah yang timbul kepada pengurus ataupun pegawai-pegawai yang bertugas. Dengan ini telah melahirkan pola perhubungan di antara peserta dengan kakitangan Felcra yang bertugas. Di waktu kerja,

perhubungan peserta dengan pegawai yang bertugas adalah merupakan perhubungan pekerja dengan majikan. Tetapi di luar waktu kerja, perhubungan mereka adalah perhubungan biasa (sebagai kawan). Selain dari itu, peserta juga mengujudkan perhubungan yang erat dengan penduduk sekitar. Mereka sering bekerjasama dalam majlis-majlis sosial dan keagamaan yang diadakan. Berdasarkan pola perhubungan yang terdapat di sini, dapatlah dikatakan bahawa peserta dirancangan Felcra ini mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap betapa pentingnya perhubungan sosial.

Ketiga, konflik politik kepartian di sini tidaklah begitu jelas walaupun terdapat beberapa orang penyokong parti pembangkang (anggaran kira-kira 7.1%). Ini juga mungkin disebabkan persefahaman yang sedia wujud di antara mereka.⁹ Namun begitu, mereka seperti juga masyarakat lain, sering berbincang dan bertelagah pendapat mengenai politik. Pertelagahan pendapat ini tidak pernah tersimpan di hati. Mereka menganggapnya sebagai perbualan biasa dan mungkin hanya untuk melepaskan lelah selepas bekerja. Justeru itu, perbezaan ideologi politik tidak menjejaskan perhubungan sosial di antara mereka.

Keempat, purata pemilikan kenderaan bermotor (seperti motosikal, kereta, van dan lori) di sini ialah 100%. Pemilikan barangan elektrik yang melebihi 3 jenis pula ialah 87.7%, pemilikan tanah (selain dari tanah yang diberikan oleh FELCRA) sama ada diwarisi mahupun dibeli dan pemilikan alat komunikasi. Pemilikan harta di kalangan peserta di sini menunjukkan tahap

perkembangan sosial yang sebanding dan mungkin mengatasi penduduk persekitarannya.

Kelima, seperti yang telah diterangkan, peserta-peserta di sini telah disediakan tempat penginapan oleh pihak FELCRA. Akibat bilangan ahli keluarga yang semakin bertambah, 39% rumah telah diubah suai. Pengubah suaian rumah ini (perlu menggunakan kos) menunjukkan bahawa mereka berada ditahap ekonomi yang kukuh (terdapat lebih dari perbelanjaan asas).

Kesimpulannya, tahap mobiliti sosial peserta adalah bergerak ke atas. Namun begitu, terdapat juga sebilangan peserta yang tidak begitu peka terhadap perkembangan semasa, terutamanya perkembangan politik dan pembangunan pertanian. Umpamanya, peserta-peserta tidak mempunyai inisiatif untuk menggunakan kaedah baru dalam meningkatkan produktiviti. Contohnya, mereka masih tidak menggunakan alat torehan moden dan alat pelindung hujan yang baru diperkenalkan. Selain dari penggunaan input pertanian moden, terdapat juga sikap dingin terhadap perjalanan sistem politik negara. Ini menunjukkan tahap kesedaran politik mereka masih lagi rendah dan perlu pendedahan yang terbuka.

4.3: Taraf Pembangunan Ekonomi

Peningkatan pendapatan di kalangan peserta dianggarkan di antara 40 - 70%. Ini berdasarkan peningkatan pendapatan yang diperolehi setelah memasuki rancangan FELCRA dan dibandingkan dengan pendapatan sebelum memasuki rancangan. Pendapatan daripada ekonomi sampingan juga diambil kira. Walaupun begitu,

pada hakikatnya, mereka terpaksa menanggung kos yang telah dikeluarkan oleh pihak FELCRA.

Di antara kos yang perlu dibayar oleh mereka ialah kos pembangunan tanah, benih, baja dan racun, peralatan ladang, makanan peserta, elaun peserta (semasa tinggal di asrama) dan perumahan peserta kos untuk pembangunan tanah, benih, baja, racun dan peralatan ladang merupakan perbelanjaan semasa yang terpaksa ditanggung oleh majikan atau merupakan 'kos tetap'. Kos tersebut terpaksa dibayar kembali oleh peserta. Pihak FELCRA menggunakan sistem saham 25:27 (Lihat Bab 3.1). Melalui sistem ini, peserta terpaksa menghadapi risiko pendapatan yang tidak tetap akibat dari faktor musim dan harga getah yang tidak stabil.

Walaupun pendapatan mereka tidak tetap, berdasarkan pendapatan peserta (lihat Bab 3.6) adalah memadai dan memuaskan bagi 'standard of living' peserta dan keluarga. Pendapatan memadai dinilai secara menganggarkan kos barang dan perkhidmatan bagi kehidupan adalah sederhana. Ini berdasarkan model bagi ahli Malayan Agriculture Producers Association (MAPA) di mana dicadangkan pendapatan untuk mengekalkan 'Standard of Living' melalui persetujuan dengan National Union of Plantation Workers (NUPW) - 'MAPA and NUPW Wage Aggrement' telah dibentuk pada Februari 1968 dan ditandatangani di Mahkamah Industri pada Mac 1968.¹⁰ Persetujuan ini, pekerja ladang mendapat upah/gaji bagi usaha-usaha buruh. Ia didefinisikan sebagai 'a mean between the minimum of subsistence wage and the living wage', "Living Wage"

menurut NUPW ialah 'Wage Sufficient to provide not only the absolute essentials of food, shelter and clothing but also for education of children, for protection, Ills, health, and for a condition of frugal comfort'.

Jumlah pendapatan purata peserta ialah di antara \$500 - \$1,500.00 sebulan. Dengan jumlah pendapatan purata bulanan tersebut, pengkaji merasakan bahawa ia adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi 6 hingga 10 orang ahli keluarga dengan corak perbelanjaan yang sederhana. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan. Makanan merupakan bahagian utama bagi perbelanjaan (60%), kemudian diikuti oleh perbelanjaan untuk hutang barangan tahan lama (20%). Peratusan besar ke atas makanan kerana "semakin rendah taraf pendapatan seseorang, semakin tinggi kadar (proportion) perbelanjaan ke atas makanan terutama beras".¹¹ Ini bermaksud, apabila pendapatan yang diperolehi rendah, maka peruntukan wang untuk makanan tinggi.

Terdapat juga sebilangan peserta yang menabung wang lebihan dari perbelanjaan mereka (52.8%). Ini menunjukkan bahawa adanya kesedaran di kalangan peserta untuk menabung wang bagi kegunaan di masa hadapan. Di samping itu, tabungan juga dapat membuktikan bahawa pendapatan yang diterima adalah melebihi perbelanjaan dan mungkin boleh dijadikan ukuran sama ada mereka miskin atau tidak. Secara logiknya, tabungan menunjukkan mereka bukan berada pada tahap kemiskinan.

Selain dari itu, peserta-peserta juga melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi sampingan (15.3%). Dengan melibatkan diri dalam aktiviti tersebut, peserta dapat menambah pendapatan mereka (tambahan kepada pendapatan sebagai penoreh). Di samping itu, mereka juga mempunyai saham dalam KPR (Lihat Bab 3.5.2). Isteri-isteri peserta juga melibatkan diri dalam menambahkan pendapatan suami. Mereka menjalankan aktiviti ekonomi melalui WADIRA (Lihat Bab 3.5.1). Dengan adanya pendapatan 'tambahan' ini, peserta-peserta di Felcra ini mempunyai banyak alternatif dalam mendapatkan wang, terutamanya apabila getah tidak dapat ditoreh (faktor cuaca).

4.4: Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan mengenai konsep kemiskinan dan penilaian taraf sosio-ekonomi peserta, dapatlah dibuat beberapa kesimpulan. Secara keseluruhannya, peserta-peserta di rancangan Felcra ini bukanlah menghadapi masalah kemiskinan mutlak (absolute poverty) tetapi kemiskinan relatif. Kemiskinan relatif ini dilihat dalam konteks masyarakat sejagat di mana peningkatan pendapatan per kapita akan menyebabkan perubahan nisbah kemiskinan. Ini bermaksud, jika dibuat perbandingan di antara penoreh-penoreh getah yang tidak menyertai sebarang agensi kerajaan dengan penoreh-penoreh getah di rancangan pembangunan tanah FELCRA.

Nota Kaki

1. OZAY Mehmet, Pagar Makan Padi, Insan Kuala Lumpur 1986, (bah. 1 dan 2), hal. 1.
2. Mc Namara, Rs, So Little Increase in Living Standard, Washington D.C, November 1977, Vol. 19.
3. Kamil Salih, Seminar, Kemiskinan Luar Bandar, Alor Setar, Kedah, 1983.
4. Rein, M, "Problem in Definition and Measurement of Poverty", dalam, Townsend, P (ed.), The Concept of Poverty, Heinemann Paper back, London 1974, hal. 52 - 53.
5. Wilson, C.J, A Study of Poverty in West Malaysia With Special Reference to rubber and Rice Smallholders, University of New England, June 1978, hal. 12 - 17.
6. Mancher, S, "Problem of Meaning Poverty", British Journal of Sociology, Vol. 18, Number 1, 1967.
7. Townsend, P, The Concept of Poverty, Heinemann Paper back, London 1971, hal. 24 - 30.
8. K.W Deutsch, Social Mobilization and Political Development, dalam Ekkstein and Apter (ed.), Compative Politics (N.York: the Free Press, 1963), hal. 580, lihat dalam Afifuddin Hj. Omar, Pembangunan Ekonomi Kaum Tani, DBP, 1986, hal. 179.
9. Sebelum mereka menetap di kawasan perkampungan ini, mereka pernah tinggal di asrama yang disediakan oleh FELCRA ketika kerja-kerja pembukaan tanah dan penanaman getah di sini bermula.

10. Malaysia, Industrial Court, Award, No. 8/68, Industrial Cases, No.7 and 9 of 1947, between MAPA and NUPW, Kuala Lumpur, Handed down on 23 March 1968, hal. 10.
11. Ungku Abd. Aziz Abd. Hamid, Poverty Protein and Disguised Starvation, Kajian Ekonomi Malaysia, Vol.1, No.1, Jun 1964, hal. 39.

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan kajian serta beberapa cadangan yang mungkin dapat meningkatkan mutu pengurusan FELCRA dan produktiviti di kalangan penoreh getah.

5.1: Rumusan dan Kesimpulan Kajian

Dalam sektor pertanian, kerajaan memberikan keutamaan kepada program pembukaan tanah yang telah dianggap strategi penting untuk mengatasi kemunduran sosio-ekonomi petani di luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970), kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$363.6 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$7,024,406 telah diperuntukkan kepada FELCRA. Jumlah ini telah meningkat kepada \$67,838,575 dalam Rancangan Malaysia Kedua. Peningkatan peruntukan yang berterusan kepada FELCRA, iaitu \$209,981,000 dalam RMT, \$496,928,357 dalam RME dan \$787,770,000 dalam RML.¹ Dengan jumlah peruntukan yang berterusan dan sebegitu besar, pastinya peranan kerajaan melalui FELCRA mengharapkan kejayaan yang baik dan dapat membasmi kemiskinan di kalangan penduduk di luar bandar.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh FELCRA menepati pendekatan "diffusionist" dengan memodenkan sektor pertanian desa melalui penggunaan sains dan teknologi, lebih banyak tanah dibuka bagi tujuan pertanian dan diurus dengan teknik moden.² Teori difusi yang diperkenalkan oleh Taylor (1871) menerangkan mengenai proses

perkembangan trait-trait budaya dari satu tempat ke satu tempat. Beliau juga menganggap bahawa perkembangan sosio-budaya kebanyakan masyarakat adalah berpunca daripada satu masyarakat atau tamaddun tertentu.³ Secara ringkasnya, pendekatan 'diffusionist' menyatakan bahawa "masalah utama di dalam pembangunan ialah untuk meningkatkan produktiviti".⁴ Setelah kajian dijalankan, didapati pendekatan ini telah mencapai kejayaan. Ini kerana tahap 'diffuse' teknologi, kemahiran dan latihan berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, alat-alat pengeluaran masih 'simple' seperti pisau torehan. Mereka masih belum menggunakan mesin torehan moden yang baru diperkenalkan.

Mobiliti sosio-ekonomi yang positif mempunyai perhubungan yang rapat dengan kelicinan pentadbiran FELCRA di rancangan ini. Usaha yang bersungguh-sungguh oleh kakitangan FELCRA menyebabkan peserta di sini dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Ini dapat dibuktikan melalui pemilikan harta, kemudahan asas yang dibekalkan, pengubah suaian rumah dan sokongan serta dorongan daripada pihak FELCRA untuk mereka menjalankan aktiviti ekonomi sampingan. Skim kemudahan pinjaman projek ekonomi (PPE) seperti yang telah diterangkan dalam bab-bab awal banyak membantu peserta untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Selain dari itu, teori 'structural dependency' dapat dikaitkan dengan rancangan FELCRA ini, di mana keadaan ekonomi peserta bergantung kepada kedudukan permintaan dan penawaran

getah di pasaran dunia. Ini bererti, jika permintaan getah di pasaran dunia mengalami kejatuhan, maka keadaan ini secara langsung akan mempengaruhi atau menjejaskan pendapatan penoreh getah kerana harga komoditi juga akan turut menurun. Justeru itu, strategi FELCRA yang mengutamakan tanaman sejenis (monocrop) di satu-satu kawasan operasi akan mendedahkan peserta kepada kedudukan ekonomi yang tidak dapat dijangkakan pada masa hadapan. Namun begitu, dengan adanya Koperasi Induk, iaitu Koperasi Peserta-peserta FELCRA Berhad (KPFB), pihak FELCRA dapat menjalankan pelbagai aktiviti untuk menambahkan lagi pendapatan sampingan peserta. Peranan KPFB melalui KPR di rancangan Felcra ini telah banyak membantu peserta bergiat dalam aktiviti ekonomi sampingan. Saham peserta dalam KPR berjumlah \$985.80 sen (sehingga kajian dibuat) dan Saham KPFB yang terkumpul berjumlah \$1,008,939.44 sen pada tahun 1987.⁵ Selain dari KPFB dan KPR, pihak FELCRA juga menyampaikan wang lebihan (dividen) kepada peserta-peserta. Umpamanya, dalam tahun 1987, seramai 5,176 orang peserta dari 47 buah rancangan telah menerima dividen berjumlah \$3,723,702.18 hasil dari lebihan pendapatan bagi tahun 1986.⁶ Walaupun begitu, usaha-usaha ini tidak melibatkan semua peserta FELCRA kerana pembayaran dividen tidak dibuat kepada peserta-peserta di rancangan Felcra yang dikaji.

Juga didapati bahawa kebanyakan peserta telah mengikuti kursus di bawah anjuran FELCRA dan beberapa badan kerajaan yang lain. Kursus-kursus ini merangkumi aspek-aspek latihan

kepemimpinan, kesedaran, peningkatan ekonomi sampingan, koperasi, pembanguann keluarga dan kumpulan dinamik. Kursus-kursus yang sebegini dapat melengkapkan diri peserta dengan disiplin, kaedah pengorganisasian pertubuhan, kesedaran untuk meningkatkan mutu kerja dan membuka peluang dalam aktiviti ekonomi sampingan. Namun begitu, dengan kajian yang sesingkat ini adalah terlalu sukar untuk menentukan sejauhmana keberkesanan kursus-kursus yang diikuti, terutamanya di kalangan peserta yang dikaji.

Berdasarkan huraian dan rumusan di atas, dapatlah dikatakan bahawa tujuan dan matlamat kerajaan melalui FELCRA untuk mengurangkan kadar kemiskinan mencapai kejayaan. Saya juga yakin bahawa peranan FELCRA dalam menyatu dan memulihkan tanah terbiar akan mencapai kejayaan di suatu masa nanti, jika usaha-usaha tersebut diteruskan.

5.2: Saranan dan Cadangan

Terdapat beberapa saranan dan cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan bagi memperbaiki keadaan di Rancangan Felcra Belimbing Tolak ini.

Persoalan utama yang perlu diperhatikan ialah untuk meningkatkan lagi 'darjah' mutu pentadbiran FELCRA di tanah rancangannya. Sistem pentadbiran yang bertambah baik dan cekap akan melancarkan lagi operasinya. Satu hal yang harus ditekankan oleh pentadbir FELCRA ialah penglibatan secara langsung dalam kehidupan seharian peserta. Ini bermakna pentabdir harus menyedari hakikat bahawa mereka adalah sebahagian dari anggota

setiap aktiviti sosial yang dianjurkan oleh peserta akan dapat mengeratkan perhubungan dan memudahkan pentadbir rancangan mendapatkan maklumat dan sensitif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh peserta. Penglibatan para pentadbir juga akan dapat memberi peluang kepada peserta untuk melahirkan pandangan dan pendapat serta meluahkan sebarang ketidakpuasan hati mereka terhadap pihak pentadbir.

Pihak FELCRA perlu memainkan peranan dalam memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan input pertanian moden, seperti pisau torehan moden dan alat pelindung hujan. Selain itu, mereka juga perlu memberi pinjaman kepada peserta yang tidak berkemampuan. Mereka boleh membuat potongan daripada pendapatan peserta dengan kadar faedah yang rendah bagi menjelaskan hutang tersebut. Penggunaan input pertanian tersebut boleh meningkatkan pendapatan dan produktiviti peserta serta secara langsung memberi faedah kepada negara.

Dalam memastikan sistem pengurusan perladangan yang cekap, peraturan ke atas peserta diperketatkan. Ini termasuklah berhubung dengan keberkesanan kerja yang dilakukan dan sejauh mana tumpuan dan daya usaha mereka ke atas penghasilan getah. Berdasarkan kajian, didapati terdapat perbezaan pendapatan yang agak besar di kalangan peserta sedangkan keluasan kawasan pertanian/getah adalah seimbang. Mengenai hal tersebut, peraturan Felcra (5.6) ada mengatakan,

"Mana-mana peserta yang didapati sah tidak hadir bekerja

tanpa kebenaran sebanyak 4 hari atau lebih dalam sebulan sama ada berturut-turut atau tidak maka ia boleh disingkirkan", dan

"Mana-mana peserta yang didapati sah tidak hadir bekerja tanpa sebarang kebenaran sebanyak 14 hari atau lebih dalam masa satu tahun sama ada berturut-turut atau tidak maka ia boleh disingkirkan".

Walaupun penguatkuasaan ke atas peraturan tersebut dijalankan, namun ia harus diperketatkan dan dipandang serius oleh pihak pentadbir dan juga para peserta. Ini bukanlah bererti mereka atau pesalah akan disingkirkan dengan satu kesalahan. Pihak Pentadbir perlulah memanggil peserta yang terlibat untuk disoal siasat dan kemudiannya memberi nasihat serta amaran keras agar mereka tidak mengulanginya lagi. Di sinilah perhubungan yang erat di antara pentadbir dengan peserta diperlukan.

Dalam proses pemasaran, pihak FELCRA perlulah membuka tender pada setiap bulan untuk mendapatkan harga pasaran getah yang paling tinggi. Syarikat yang meletakkan harga getah yang tertinggi, akan dapat membeli hasil getah di Felcra ini. Ini adalah untuk mengelakkan pergantungan kepada sesebuah kilang/syarikat getah sahaja. Pada masa kini, pemasaran hasil getah di rancangan ini hanyalah melalui MARDEC sahaja.

Berhubung dengan pendapatan peserta pula, usaha-usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan pendapatan mereka. Walaupun di rancangan ini terdapat KPR dan aktiviti-aktiviti ekonomi

sampingan, namun ia tidaklah menyeluruh dan tidak melibatkan ramai peserta. Justeru itu, pihak FELCRA perlulah memikirkan cara-cara untuk memberi peluang kepada peserta-peserta melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi sampingan. Umpamanya, mengadakan projek tanaman jualan. Dalam projek ini, peserta-peserta boleh melibatkan diri dari peringkat penanaman sehinggalah ke peringkat pemasaran.

Walaupun di rancangan ini mempunyai kemudahan asas dan kemudahan sosial yang memuaskan, mereka juga perlu berusaha untuk memajukan setiap persatuan dan pertubuhan yang terdapat serta menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi mereka. Keadaan ini memerlukan perubahan sikap peserta bagi terbentuknya satu komuniti yang bersatu padu dan hidup aman damai serta menganggap tanah rancangan sebagai pertempatan kekal untuk mereka. Justeru itu, pelbagai kegiatan dapat dilaksanakan oleh peserta sama ada dari aspek ekonomi mahupun sosial. Usaha-usaha ini juga perlu mendapat kerjasama dari pihak pentadbir.

Nota kaki

1. Risalah, FELCRA: Peranan dan Usaha, hal. 10.
2. Lim sow Ching (1976), Land Development Scheme in Penisular Malaysia, A Study of Benefits and Costs, Rubber Institute of Malaysia, Rajiv Printers, Kuala Lumpur, hal. 208.
3. Dr. Norazit Selat, Konsep Asas Antropologi, DBP, Kuala Lumpur 1989, hal. 22.
4. Haven, A.E, Methodological Issues in the Study of Development" dalam, Sociologist Ruralist, Vol. 12, 1972, hal. 260.
5. Laporan Tahunan FELCRA, 1987, hal. 17.
6. Ibid. hal. 19.

BIBLIOGRAFI

1. C.E Bishop dan W.D Tousanint. Pengenalan kepada Analisa Ekonomi Pertanian, Terjemahan Amir Husin Baharuddin, Ph D. (USM), Kuala Lumpur, DBP 1980.
2. Chamsuri Siwar, Kehendak dan bentuk Reformasi Tanah di Malaysia, DBP, Kuala Lumpur 1978.
3. Dr. Norazit Selat, Konsep Asas Antropologi, DBP, Kuala Lumpur 1989.
4. Haven, A.E, "Methodological Issues in the Study of Development", dalam, Sociologist Ruralist, Vol- 12, 1972.
5. Kamil Salih, Seminar, Kemiskinan Luar Bandar, Alor Setar, Kedah 1983.
6. K.W Deutsch, "Social Mobilization and Political Development", dalam Eickstein and apter (ed.), Compative Politics (New York: The Free Press, 1963), hal. 580, dalam Afifuddin Hj. Omar, Pembangunan Ekonomi Kaum Tani, DBP, 1986.
7. Laporan Tahunan FELCRA, 1987.
8. Laporan Tahunan dan Penyata kira-kira lhb. Januari 1969 - 31hb. Disember 1969, Kuala Lumpur.
9. Lim Sow Ching (1976), Land Development Scheme in Peninsular Malaysia. A study of benefits and costs, Rubber Institute of Malaysia, Rajiv Printers, Kuala Lumpur.
10. Malaysia, Industrial Court, Award No. 8/68, Industrial Cases, No. 7 and 9 of 1947, between MAPA and NUPW, Kuala

Lumpur, Handed down on 23 March 1968.

11. Mancher, s., "Problem of meaning poverty", British Journal of sociology, Vol. 18, Number 1, 1967.
12. Mc Namara, Rs, So Little Increase in Living Standard, Washington D.C, November 1977, Vol. 19.
13. OZAY Mehmet, Pagar Makan Padi, Insan, Kuala Lumpur 1986.
(bah. 1 dan 2).
14. Rein, M, "Problem in Definition and Measurement of Poverty", dalam, Townsend, P (ed.). The Concept of Poverty, Heinamann Paper back, London 1974.
15. Risalah, FELCRA Peranan dan Usaha.
16. Risalah, Projek Pembangunan Bersepadu Seberang Perak, Ibu Pejabat FELCRA.
17. Risalah, FELCRA: Agensi Penyatuan dan Pemulihan Tanah.
18. Statistik Anggaran dan Pendapatan Hasil 1987/88, FELCRA Belimbing Tolak, Kuala Nerang, Kedah.
19. Townsend, P, The Concept of Poverty, Heinamann Paper back, London 1971.
20. Ungku Abd. Aziz Abd. Hamid, Poverty Protein and Disguised Starvation, kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1, No. 1, Jun 1964.
21. Wilson, C.J, A Study of Poverty in west Malaysia with Special Reference to Rubber and Rice Smallholders, University of New England, June 1978.
22. Yang M.M.C, "Socio-Economic Results of Land Reform in

Taiwan", Honolulu, 1970.

23. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua, 1971 - 1975, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.
24. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.



GAMBAR 1: RUMAH ASAL



GAMBAR 2: RUMAH YANG TELAH DIUBAHSUAI



GAMBAR 3: PUSAT INDUSTRI KECIL PESERTA FELCRA



GAMBAR 4: SURAU



GAMBAR 5: TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TUNAS REBUNG)



GAMBAR 6: SUASANA DALAM TASKA



GAMBAR 7: TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK



GAMBAR 8: PEJABAT FELCRA BELIMBING TOLAK